



**Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)**

Level 4, 5 & 6, Menara Yayasan Tun Razak, 200 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-2174 8000 Fax: 603-2163 1860

W W W . k w a p . g o v . m y



# Menuju Kecemerlangan

## Pursuing a Journey of Excellence

**2008** laporan tahunan  
annual report

## Rasional

Visi KWAP adalah untuk menjadi organisasi berprestasi tinggi menjamin faedah pencen yang berterusan. Perjalanan kami bermula dengan pantas melalui pelaksanaan model perniagaan yang akan mengubah cara kami berurus niaga serta berfungsi sebagai platform yang kukuh untuk kami berkembang maju. Kami sedang melaksanakan beberapa inisiatif yang akan membantu KWAP untuk mengambil pendekatan yang lebih proaktif dalam menguruskan dana dan pada masa yang sama peka terhadap keperluan untuk berurus niaga secara beretika dan bertanggungjawab.



# Kandungan

2	3	5		
Visi, Misi & Nilai Korporat	Latar Belakang dan Peranan KWAP	Pencapaian Kewangan		
6	8	12		
Lembaga	Profil Lembaga	Panel Pelaburan		
13	15	16		
Profil Panel Pelaburan	Jawatankuasa Audit & Jawatankuasa Pengurusan Risiko	Pengurusan Kanan		
17	20	23		
Carta Organisasi	Penyata Pengurus	Penyata Ketua Pegawai Eksekutif		
26	36	38	39	
Prestasi Pelaburan	Penyata Tadbir Urus Korporat	Lembaga dan Panel Pelaburan	Jawatankuasa Pengurusan Risiko	
40	41	44	46	
Jawatankuasa Audit	Program Transformasi	Pengurusan Caruman	Pengurusan Sumber Manusia	
47	48	52	53	56
Audit Dalaman	Pengurusan Risiko	Tanggungjawab Sosial Korporat	Diari Korporat	Penyata Kewangan

**Visi** | Organisasi berprestasi tinggi menjamin faedah pencen yang berterusan.

**Misi** | Memaksimumkan pulangan melalui rangka kerja pelaburan yang dinamik, pengurusan risiko yang mantap dan penanda arasam industri.

## Nilai Korporat

Berorientasikan  
Kecemerlangan

Profesionalisme

Integriti

Ketelusan

Semangat Kerja  
Berpasukan

Pembelajaran  
Berterusan

# Latar Belakang dan Peranan KWAP

## Latar belakang


Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) telah digubal bertujuan untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan. Berikutan itu, Kumpulan Wang Amanah Pencen telah ditubuhkan pada 1 Jun 1991 dengan geran penubuhan sebanyak RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah Pencen ditadbir oleh Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen di bawah pengurusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan harian.

Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (“KWAP”) telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) yang dimansuhkan. Dengan penubuhan KWAP, semua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP.

## Objektif

Objektif KWAP ialah menguruskan dana yang ditubuhkan di bawah Seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) ke arah mencapai pulangan optimum melalui aktiviti pelaburannya. Dana tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam pembiayaan liabiliti pencen.

## Rantaian Nilai Pengurusan Pembiayaan Persaraan di Malaysia



## ◆ Latar Belakang dan Peranan KWAP

### Fungsi

Fungsi-fungsi KWAP adalah seperti berikut:

- Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi lain; dan
- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

Diagram di halaman sebelah menunjukkan rantaian nilai pengurusan pembiayaan persaraan di Malaysia dengan peranan KWAP dalam konteks perkhidmatan awam berpencen seperti berikut:

- **Menguruskan kutipan caruman**

Kerajaan Persekutuan menyumbang 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang dibajetkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi menyumbang 17.5% daripada gaji hakiki pekerja berpencen masing-masing kepada KWAP setiap bulan.

- **Menetapkan polisi dan garis panduan pelaburan**

Panel Pelaburan bertanggungjawab menetapkan, meluluskan dan menyemak secara berkala Polisi dan Garis Panduan Pelaburan KWAP dan seterusnya mencadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP adalah tertakluk kepada Polisi dan Garis Panduan Pelaburan tersebut.

- **Pengurusan dan pengawasan pelaburan**

KWAP melabur dananya di dalam kelas-kelas aset mengikut Peruntukan Aset Strategik dan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan seperti yang dicadangkan oleh Panel Pelaburan dan diluluskan oleh Lembaga. Aktiviti pelaburan dilakukan oleh kakitangan-kakitangan pelaburan yang profesional, mahir dan berpengalaman.

Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan secara berkala kepada Lembaga dan Panel Pelaburan. Analisis prestasi termasuk prestasi relatif berbanding indeks tanda aras serta sasaran pulangan mutlak bagi setiap kelas aset.



## Pencapaian Kewangan

- 2008 & 2007

	2008 (1 Jan - 31 Dis)	2007 (1 Mac - 31 Dis)
Saiz Dana pada 31 Disember (RM)	<b>52.04 bilion</b>	48.08 bilion
Pendapatan Pelaburan Kasar Direalisasi (RM)	<b>3.01 bilion</b>	3.70 bilion
Pendapatan Bersih (RM)	<b>561.86 juta</b>	3.67 bilion
Kadar Pulangan Pelaburan (ROI)	<b>5.93%</b>	8.26%
Perbelanjaan Operasi (RM)	<b>28.17 juta</b>	18.33 juta
Jumlah Caruman Diterima (RM)	<b>3.42 bilion</b>	2.47 bilion
Bilangan Majikan Mencarum	<b>493</b>	475
Bilangan Ahli	<b>106,944</b>	104,081
Bilangan Kakitangan KWAP	<b>99</b>	93
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM)	<b>30.41 juta</b>	39.99 juta
Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar	<b>0.94%</b>	0.49%
Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana	<b>0.06%</b>	0.04%



*dari kiri ke kanan*

**Dato' Mohd. Salleh Bin Mahmud  
Datuk Idrus Bin Harun  
Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah (Pengerusi)  
Tan Sri Ismail Bin Adam  
Dato' V. Danapalan**



dari kiri ke kanan

**Dato' Siow Kim Lun**

**Dato' Muhammad Bin Ibrahim**

**Datuk Latifah Binti Datuk Abu Mansor**

**Dato' Izzaddin Bin Idris**

**Tuan Haji Omar Bin Haji Osman**

**Puan Azian Binti Mohd Noh**



# Profil Lembaga

## TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Pengerusi

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau turut menganggotai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Malaysian International Shipping Corporation Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysian Airline System Berhad, Petroliam Nasional Berhad, Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd., Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn.Bhd., Cyberview Sdn.Bhd., Bank Negara Malaysia, Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad dan Perbadanan Insuran Deposit Malaysia. Beliau mewakili Kementerian Kewangan sebagai ahli PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan), Iskandar Malaysia, Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor Wilayah Sarawak, Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Mesyuarat Majlis Ekonomi. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari University of Sussex, UK dan Doktor Falsafah (Ekonomi Perniagaan) dari University of Leeds, UK. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

## TAN SRI ISMAIL BIN ADAM

- Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam
- Wakil Kerajaan Persekutuan

Tan Sri Ismail Bin Adam dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah & Sarawak) dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dari Universiti Malaya dan Sarjana Ekonomi dari Vanderbilt University, AS. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

## DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD

- Akauntan Negara Malaysia
- Wakil Kerajaan Persekutuan

Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Akauntan Negara Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

**DATUK IDRUS  
BIN HARUN**

- Peguam Cara Negara Malaysia
- Wakil Kerajaan Persekutuan

Datuk Idrus Bin Harun dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau menyandang jawatan Peguam Cara Negara Malaysia. Beliau kini menganggotai Lembaga Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan Pengarah Amanah Raya Capital. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya.

**DATUK LATIFAH BINTI  
DATUK ABU MANSOR***(dilantik pada 17.10.2008)*

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Wakil Kementerian Kewangan

Datuk Latifah Binti Datuk Abu Mansor telah dilantik menjadi Ahli Lembaga KWAP pada 17 Oktober 2008. Beliau kini menyandang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Johor Corporation, UDA Holdings Berhad, Lembaga Tabung Haji dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Panel Pelaburan KWSP dan Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

**DATO' V. DANAPALAN**

- Wakil Sektor Swasta

Dato'V. Danapalan dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Telekom Malaysia Bhd, Universiti Telekom Sdn. Bhd., SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Affin Trust Management Sdn. Bhd., Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia – Amerika, Tabung Biasiswa Tun Sambanthan dan Yayasan Sains & Teknologi Universiti Malaysia. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, AS.

**DATO' SIEW KIM LUN**

- Wakil Sektor Swasta

Dato' Siow Kim Lun dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menjadi ahli Lembaga Pengarah Citibank Berhad, Mainstreet Advisers Sdn. Bhd. dan WZ Steel Berhad. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dari Catholic University of Leuven, Belgium dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

**DATO' MUHAMMAD BIN IBRAHIM**

- Wakil Bank Negara Malaysia

Dato' Muhammad Bin Ibrahim dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 15 Mei 2007. Beliau merupakan Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Bersekutu Kanan bagi Institut Bank-Bank Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau turut menjadi ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dari Harvard University, AS.

**DATO' IZZADDIN BIN IDRIS**

- Wakil Sektor Swasta

Dato' Izzaddin Bin Idris dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Ketua Pegawai Kewangan, Tenaga Nasional Berhad. Beliau merupakan ahli Certified Public Accountant (Australia) serta Institut Akauntan Malaysia. Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan jurusan Kewangan (Kepujian Kelas Pertama) dari University of New South Wales, Australia.

**TUAN HAJI OMAR  
BIN HAJI OSMAN**

- Wakil Pencarum

Tuan Haji Omar Bin Haji Osman dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini memegang jawatan Presiden CUEPACS, Penasihat Kehormat Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia dan Pengerusi Gabungan Presiden/Setiausaha Kehormat Kesatuan-Kesatuan Universiti. Selain itu, beliau turut memegang jawatan Timbalan Pengerusi bagi Majlis Sains & Teknologi Malaysia dan wakil CUEPACS dalam Majlis Penasihat Buruh Nasional, Kementerian Sumber Manusia serta Ahli Majlis Kebangsaan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia.

**PUAN AZIAN  
BINTI MOHD NOH**

- Ketua Pegawai Eksekutif

Puan Azian Binti Mohd Noh dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota ex-officio Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau juga merupakan Penggerusi *i-VCAP Management Sdn. Bhd.* dan menganggotai Ahli Lembaga Pengarah Valuecap Sdn. Bhd., Malakoff Corporation Berhad dan TIME dotCom Berhad. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi pengkhususan Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

**DATO' IBRAHIM  
MAHALUDIN BIN PUTEH**

(bersara pada 17.10.2008)

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Wakil Kerajaan Persekutuan

Dato' Ibrahim Mahaludin Bin Puteh dilantik sebagai Ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007 hingga 17 Oktober 2008. Beliau adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan dan turut menganggotai Lembaga Pengarah di pelbagai organisasi seperti Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Syarikat Prasarana Negara Berhad, Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia dan Pos Malaysia Berhad. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Manchester, UK.

## Panel Pelaburan



*duduk dari kiri ke kanan*

**Puan Azian Binti Mohd Noh**

**Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah** (Pengerusi)

**Cik Che Zakiah Binti Che Din**

*berdiri dari kiri ke kanan*

**Encik Cheah Tek Kuang**

**Y.M. Tengku Dato' Azmil Zahruddin Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz**

**Puan Komalam a/p R.Kesawan**

**Dato' Sri Abdul Wahid Bin Omar**

**TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH**

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Pengerusi

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007.

**CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN**

- Wakil Bank Negara Malaysia

Cik Che Zakiah Binti Che Din dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 15 Mei 2007. Beliau kini memegang jawatan Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Bank Negara Malaysia. Sebelum dilantik ke jawatan tersebut, beliau merupakan Pengarah Jabatan Pengawalan Institusi Kewangan Pembangunan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sastera (Dasar Ekonomi) dari Boston University, AS.

**PUAN KOMALAM A/P R. KESAWAN**

- Wakil Kementerian Kewangan

Puan Komalam a/p R. Kesawan dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau telah bersara dari perkhidmatan awam pada 30 Ogos 2007 dan dilantik sebagai Pegawai Projek Khas, Kementerian Kewangan sejak 1 Januari 2008. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sastera (Dasar Ekonomi) dari Boston University, AS.

**DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR**

(dilantik pada 1.5.2008)

- Wakil Sektor Swasta

Dato' Sri Abdul Wahid Bin Omar dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mei 2008. Beliau kini merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Bursa Malaysia Berhad dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, ahli Yayasan Laporan Kewangan Malaysia dan ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji. Beliau ialah ahli Persatuan Akauntan Bertauliah, UK dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

**Y.M. TENGKU DATO' AZMIL ZAHRUDDIN BIN RAJA DATO' SERI ABDUL AZIZ**

- Wakil Sektor Swasta

Y.M. Tengku Dato' Azmil Zahruddin Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau kini memegang jawatan Ketua Pegawai Kewangan Malaysian Airline System Berhad. Beliau adalah Akauntan Bertauliah dan ahli bersekutu Institut Akauntan Malaysia, Institute of Chartered Accountants (England & Wales), ahli bersekutu Association of Corporate Treasurers (United Kingdom) dan ahli Jawatankuasa Isu-Isu bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Beliau menamatkan pengajian dari University of Cambridge, United Kingdom dengan Ijazah kelas pertama dalam bidang Ekonomi.

**ENCIK CHEAH TEK KUANG**

- Wakil Sektor Swasta

Encik Cheah Tek Kuang dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan AMMB Holdings Berhad dan juga ahli Lembaga Pengarah subsidiari-perbankan dan syarikat-syarikat broker Kumpulan AMMB Holdings Berhad. Antara Lembaga Pengarah yang beliau anggota termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bursa Malaysia Berhad serta turut berkhidmat sebagai Pengurus Silih Ganti bagi Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya.

**PUAN AZIAN  
BINTI MOHD NOH**

- Ketua Pegawai Eksekutif  
(Setiausaha Panel Pelaburan)

Puan Azian Binti Mohd Noh dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007.

**TAN SRI AMIRSHAM BIN A AZIZ**

*(meletakkan jawatan pada 18.3.2008)*

- Wakil Sektor Swasta

Tan Sri Amirsham Bin A Aziz dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau telah meletakkan jawatan sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada Mac 2008 berikutan perlantikan beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Unit Perancang Ekonomi. Beliau adalah Akauntan Awam Bertauliah dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

## Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko



### JAWATANKUASA AUDIT

dari kiri ke kanan

- **Tan Sri Ismail Bin Adam**  
Pengerusi
- **Dato' Mohd. Salleh Bin Mahmud**
- **Datuk Idrus Bin Harun**
- **Dato' Izzaddin Bin Idris**
- **Dato' Ibrahim Mahaludin Bin Puteh**  
*(bersara pada 17.10.2008)*



### JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

dari kiri ke kanan

- **Dato' Muhammad Bin Ibrahim**  
Pengerusi
- **Dato' V. Danapalan**
- **Dato' Siow Kim Lun**
- **Y.M. Tengku Dato' Azmil Zahruddin  
Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz**  
*(dilantik pada 1.3.2008)*
- **Puan Azian Binti Mohd Noh**



## Pengurusan Kanan



dari kiri ke kanan

**Encik Ahmad Norhisham  
Bin Hassan**  
Pengurus Besar Kanan,  
Jabatan Pendapatan Tetap

**Encik Md Saffi Bin Nadzir**  
Pengurus Besar Kanan,  
Jabatan Caruman


**Puan Azian Binti Mohd Noh**  
Ketua Pegawai Eksekutif


**Puan Nik Amlizan  
Binti Mohamed**  
Pengurus Besar Kanan,  
Jabatan Ekuiti

**Encik Sudirman  
Bin Masduki**  
Pengurus Besar Kanan,  
Jabatan Pentadbiran &  
Kewangan

**Encik Ambalagam  
a/l R. Marappan**  
Pengurus Besar Kanan,  
Jabatan Penyelidikan

# Carta Organisasi



An aerial photograph of a winding asphalt road with yellow center and side markings. The road curves through a landscape covered in dense, vibrant green vegetation, likely a forest or scrubland. The perspective is from above, looking down the length of the road.

**Kami yakin dapat mengatasi segala cabaran dengan  
bertindak mengikut keadaan pasaran.**





## Penyata Pengerusi

“ Sekalipun menghadapi keadaan pasaran yang tidak menentu, KWAP berjaya meningkatkan dana kumpulan sebanyak 8.25%, dari RM48.08 bilion kepada RM52.04 bilion.”



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ  
BIN WAN ABDULLAH  
Pengerusi

Tahun 2008 merupakan tempoh yang mencabar bagi pengurusan pelaburan akibat krisis sub-prima Amerika Syarikat (“AS”) yang menular ke seluruh dunia. Kegagalan yang tidak dijangka beberapa institusi kewangan terkemuka AS dan Eropah telah menyebabkan keadaan kredit global yang genting. Ia telah membawa kepada kegawatan ekonomi di negara maju dan negara sedang membangun di seluruh dunia.

Sebagai salah sebuah ekonomi yang sedang membangun, ekonomi Malaysia turut terjejas akibat kegawatan ekonomi ini. Kelembapan ekonomi juga menyebabkan Indeks Komposit Bursa Malaysia menjunam sebanyak 39%. Harga bon juga menjadi tidak menentu walaupun Kerajaan berusaha menurunkan kadar faedah secara sistematis bagi mengurangkan impak kejatuhan ekonomi global. Nilai hampir keseluruhan kelas aset telah menerima kesan negatif pada penghujung 2008.

Sekalipun menghadapi keadaan pasaran yang tidak menentu, KWAP berjaya meningkatkan dana kumpulan sebanyak 8.25% dari RM48.08 bilion kepada RM52.04 bilion. Bagi pulangan pelaburan realisasi pula, KWAP berjaya mencatat pulangan sebanyak RM3.01 bilion atau 5.93% berbanding RM3.70 bilion atau 8.26% yang dicatatkan pada tahun 2007. Sungguhpun pulangan pelaburan ini lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, ia merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan memandangkan kesukaran keadaan pasaran yang dihadapi. Pencapaian ini mencerminkan kemantapan strategi yang dilaksanakan serta tahap kewaspadaan yang diamalkan oleh KWAP sepanjang tahun.



Di KWAP, kami menyedari bahawa kami mempunyai peranan yang lebih besar selain daripada pengurusan pelaburan. Kami bukan sekadar melihat kepada “angka kewangan” tetapi turut mengimbangi antara keperluan tanggungjawab kewangan dan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan persekitaran. Pada tahun 2008, KWAP telah melaksanakan beberapa program Tanggungjawab Sosial Korporat (“TSK”) yang merangkumi aktiviti mengumpul dana dan sumbangan kebajikan. Selain itu, KWAP telah melaksanakan kempen kesedaran kitar semula dan penjimatatan tenaga, sesi perkongsian ilmu, latihan praktikal dan aktiviti rekreasi untuk kakitangan. Kami akan meneruskan inisiatif dan sumbangan TSK yang dijangka memberi impak positif yang maksimum terhadap masyarakat dan persekitaran.

Sukacita saya menyatakan bahawa inisiatif TSK yang akan datang bakal menampilkan ciri-ciri penglibatan serta semangat kesukarelawanan yang tinggi di kalangan anggota kami.

## Penyata Pengerusi

Kami menjangkakan tahun 2009 yang akan ditempuh adalah lebih mencabar. Namun kami percaya terdapat peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan oleh KWAP pada saat dan ketika yang sesuai.

Di masa-masa yang lalu, keadaan pasaran yang suram sering memberi manfaat prospek keuntungan jangka panjang kepada para pelabur. Kami sentiasa berhati-hati menghadapi pola pasaran sedemikian dan kami juga sentiasa memerhati peluang baru untuk meningkatkan lagi saiz serta pertumbuhan dana tanpa menjelaskan tahap toleransi risiko bagi memastikan dana kami sentiasa terpelihara.

Dalam menghadapi arus perubahan, kami menyedari keperluan segera untuk KWAP membangunkan model perniagaan yang menyeluruh dan mampu bertahan demi mencapai visi menjadi dana berprestasi tinggi yang menjamin faedah persaraan yang mampan. Oleh itu Lembaga KWAP telah bersetuju agar KWAP membangun dan menggunakan model perniagaan yang baru. Saya sukacita memaklumkan bahawa selepas perbincangan yang intensif dan usaha yang bersungguh-sungguh selama empat bulan, sebuah model perniagaan baru telah dibangunkan oleh KWAP. Rangka tindakan yang telah dihasilkan akan menetapkan arah tuju urus niaga KWAP pada masa hadapan dan menjadi platform untuk fasa pertumbuhan yang seterusnya.

Sukacita juga saya nyatakan bahawa usaha yang bersungguh-sungguh telah dilakukan ke arah membangunkan dan meningkatkan kecekapan kakitangan. Ini memandangkan modal insan merupakan elemen penting bagi kejayaan sesebuah organisasi. Memupuk bakat dan menyediakan pemimpin masa depan menjadi asas kepada program pembangunan sumber manusia KWAP pada tahun 2008. Antara program utama yang dianjurkan ialah "Leadership Series", satu siri ceramah oleh para pemimpin korporat terkemuka. Ceramah ini menyediakan ruang untuk berkongsi pengetahuan dan peluang kepada semua kakitangan untuk berinteraksi dengan tokoh-tokoh korporat untuk berkongsi pengalaman mereka.

Prestasi KWAP dalam tahun 2008 tidak mungkin tercapai tanpa pertimbangan yang bijaksana, sokongan padu dan galakkan yang diberikan oleh pihak Lembaga dan Panel Pelaburan. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan dan seluruh warga KWAP atas komitmen dan usaha gigih mereka menjadikan tahun 2008 tahun yang cemerlang untuk KWAP.

Saya yakin semangat, kesungguhan serta kegigihan yang serupa akan ditunjukkan di semua peringkat dalam tahun 2009 yang dijangka menjadi lebih mencabar. Dalam kita menghadapi suasana yang sukar ini, kami tidak akan lupa akan komitmen dan aspirasi kami menjadi sebuah dana persaraan contoh. KWAP akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai tahap yang lebih baik dalam mengejar misi kami menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi.

## Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

“ Dalam usaha menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, KWAP telah memulakan satu program pengurusan perubahan yang melibatkan model perniagaan baru dan penambahbaikan kemahiran teknikal, pengetahuan dan daya kepimpinan. ”



**PUAN AZIAN BINTI MOHD NOH**  
Ketua Pegawai Eksekutif

Saya dengan sukacita mengumumkan bahawa walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu bagi suku ketiga dan keempat 2008, KWAP telah mencatatkan pulangan ke atas pelaburan (“ROI”) sebanyak 5.93% yang melebihi sasaran asas 4.89% serta sasaran maksimum 5.85%.

Sepanjang dua tahun yang lalu (sejak diperbadankan pada 1 Mac 2007) KWAP telah mencapai pulangan tahunan/purata sebanyak 7.92% [ROI sebanyak 5.93% untuk 2008 dan ROI tahunan sebanyak 9.91% bagi 2007]. Kadar pulangan ini telah mengatasi kadar purata Sekuriti Kerajaan Malaysia (“SKM”) 10 tahun sebanyak 4.13% pada tahun 2008 dan lebih tinggi berbanding pulangan dividen pasaran yang mencapai purata sebanyak 4.5% pada tahun 2008. Prestasi ini adalah hasil daripada keberkesanan strategi pelaburan yang diambil oleh KWAP pada sepanjang tahun kewangan. Strategi pelaburan ini jelas mencerminkan proses kolaboratif dan dinamik yang digunakan terutamanya dari segi penganalisisan pasaran dan kecekapan pelaksanaan keputusan pelaburan.

Sebagai sebuah organisasi yang baru diperbadankan, KWAP telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam tahun 2008 bagi mengukuhkan asasnya. Inisiatif ini termasuk merangka Visi, Misi dan Nilai Korporat bagi memperjelaskan lagi arah tujuannya. KWAP juga telah memperkenalkan model perniagaan baru dengan tujuan meningkatkan lagi rangka kerja dan amalan pengurusan pelaburan dan risiko di mana ia memerlukan penambahbaikan terhadap struktur dan pentadbiran organisasi.

Dalam menguruskan dana persaraan pendekatan yang berhemat tetapi berprestasi tinggi diperlukan sambil mengekalkan fokus terhadap pembentukan dan pemeliharaan nilai. Oleh yang demikian, KWAP menyedari kepentingan memiliki budaya pengurusan risiko yang mantap. Peranan utama yang dimainkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko menunjukkan komitmen dan sokongan KWAP ke arah menerapkan rangka kerja dan amalan pengurusan risiko yang kukuh. Di peringkat operasi pula, pelaksanaan dan penguatkuasaan sistem kawalan dalam bertujuan mengurangkan kerugian dan memastikan kecekapan operasi. Ini diperkuatkan lagi melalui penggunaan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang telah dipinda.

Seterusnya adalah aspirasi kami untuk menggunakan pulangan risiko terlaras dan pulangan keseluruhan dalam menilai prestasi kelas-kelas aset.

Komponen penting dalam pembangunan model perniagaan baru KWAP ialah semakan semula dan perumusan Peruntukan Aset Strategik (“SAA”). SAA ialah mekanisme untuk menentukan peruntukan jangka panjang yang ideal bagi pelbagai aset kelas. Semakan ini perlu bagi membantu KWAP melaksanakan strategi kepelbagaiannya aset untuk menguruskan risiko dan menjana pulangan jangka panjang yang mampan selaras dengan profil risiko KWAP. SAA yang baru akan menjadi asas kepada organisasi untuk mencapai objektif jangka panjangnya dan memacu portfolio KWAP ke arah mencapai pulangan risiko terlaras 5 tahun.

Disamping SAA, KWAP juga telah meneroka konsep Peruntukan Aset Taktikal (“TAA”) sebagai strategi pelaburan sokongan. Strategi ini membolehkan dana menyimpang daripada SAA bagi menjana lebihan pulangan dengan mengambil peluang daripada pergerakan pasaran jangka pendek dan harga yang tidak efisien atau anomali pasaran. Gabungan SAA dan TAA menunjukkan dengan jelas pendekatan dinamik yang diambil oleh KWAP.

Dalam usaha menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, KWAP telah memulakan satu program pengurusan perubahan yang melibatkan model perniagaan baru dan penambahbaikan kemahiran teknikal, pengetahuan dan daya kepimpinan . Program pengurusan perubahan adalah terperinci dan menyeluruh termasuk memperkenalkan program perhubungan komprehensif yang terdiri daripada perjumpaan bersama kakitangan , penerbitan buletin, pelantikan agen perubahan dan laporan berkala yang terperinci kepada Lembaga.

Sejak diperbadankan, KWAP telah mengadaptasikan pendekatan perniagaannya dengan persekitaran yang mencabar. Bermula dengan hanya seramai 27 orang kakitangan semasa penubuhan, tenaga kerja KWAP telah bertambah tiga kali ganda kepada 98 orang pada penghujung tahun 2008. Kami di KWAP berpegang kepada prinsip bahawa “Warga kerja yang dedikasi sentiasa menjadi pemacu kejayaan KWAP”. Oleh yang demikian, kami komited ke arah membina budaya kerja berprestasi tinggi di mana semua kakitangan di setiap

peringkat memberi tumpuan kepada keutamaan dan memahami bahawa mereka dipertanggungjawabkan untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

Kami menyedari kepentingan mengambil individu yang berkebolehan dan berpengalaman untuk menyertai KWAP. Selain itu, amalan pengambilan kakitangan menekankan pengambilan individu yang boleh menyesuaikan diri dengan budaya kerja dan nilai korporat KWAP.

Para kakitangan kami digalakkan untuk terus membangun dan meningkatkan keupayaan serta kemahiran mereka dalam segenap aspek yang boleh meningkatkan lagi prestasi kerja mereka. Keutamaan KWAP adalah membangunkan tahap pengetahuan dan kemahiran kakitangan kami. Selain daripada menghantar kakitangan untuk mengikuti program latihan luaran, pelbagai program latihan dalam turut diadakan bagi memastikan peluang pembelajaran dan pembangunan diri diaturkan secara saksama di kalangan warga kerja KWAP.

Untuk membolehkan fungsi pengurusan sumber manusia yang berkesan, KWAP telah memperkenalkan perkhidmatan sumber manusia bersepadu, menyeluruh dan menjimatkan kos yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Sumber Manusia ("HRIS") atau eP2P. HRIS mempunyai keupayaan layan diri untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pembayaran gaji, permohonan cuti dan pemprosesan latihan.

Kami menjangkakan tahun 2009 akan terus menjadi tahun yang mencabar buat KWAP. Bagi menempuh keadaan yang sukar ini, adalah penting bagi strategi pelaburan kami untuk terus memberi tumpuan kepada pengekalan modal. Walaupun kelembapan ekonomi akan memberi tekanan kepada sesetengah sektor ekonomi, kami percaya bahawa ada beberapa sektor yang mampu menangani keadaan ini. Kami yakin bahawa kesan gabungan dasar monetari dan fiskal Kerajaan akan membawa kepada kestabilan ekonomi menjelang akhir tahun. Oleh itu KWAP akan mengenalpasti peluang-peluang yang akan datang dari masa ke semasa. Walaupun menjangkakan masa pasaran adalah sukar, tetapi adalah perlu untuk kami mengesan anomali dan ketidakseimbangan di dalam harga dalam semua kelas aset bagi membolehkan KWAP menjana alfa seterusnya meningkatkan prestasi pelaburan KWAP.



Untuk meningkatkan keupayaan pelaburan KWAP, salah satu projek utama bagi tahun 2009 ialah melaksanakan sistem pengurusan pelaburan dan kewangan bersepadu (IFIMS). Sistem ini akan meningkatkan kecekapan operasi serta mempermudahkan pengukuran dan penilaian prestasi.

Saya yakin bahawa KWAP akan mengenalpasti lebih banyak peluang pelaburan yang menarik di tahun-tahun akan datang. Walaupun sukar untuk menjangkakan bila keadaan ekonomi dan harga saham akan pulih, kami sentiasa mengambil perspektif pelaburan jangka panjang bagi memastikan KWAP berupaya memperoleh pulangan bagi setiap peluang yang dikenalpasti.


Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kepada Pengerusi, Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan atas panduan dan sokongan mereka yang berterusan dalam usaha kami untuk menempuh kejayaan yang lebih cemerlang. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kakitangan KWAP atas sumbangan mereka yang tidak ternilai, komitmen yang padu serta usaha yang penuh dedikasi dalam membolehkan KWAP menjadi sebuah organisasi dengan struktur dan asas yang mantap seterusnya membolehkan ia menjadi organisasi berprestasi tinggi.

## TINJAUAN EKONOMI


Tahun 2008 merupakan tahun yang mencabar berikutan kejatuhan pasaran kewangan Amerika Syarikat (“AS”) akibat kegagalan sub-prima yang begitu teruk dan menyeluruh. Puncu utama kejatuhan tersebut adalah kemerosotan harga rumah di AS yang berterusan diikuti kecelaruan di dalam pasaran kredit. Pasaran kewangan yang menguncup bukan sahaja menyebabkan kemusnahan kekayaan tetapi juga mengakibatkan aliran keluar dana daripada aset-aset berisiko di mana para pelabur mula mencari instrumen pelaburan yang lebih selamat seperti Dolar Amerika dan Sekuriti Perbendaharaan AS jangka pendek. Disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembayaran balik hutang atau ‘deleveraging’ masalah kecairan turut dihadapi apabila bank-bank menjadi semakin sangsi terhadap kedudukan kewangan para pesaing mereka. Ini menyebabkan keadaan menjadi semakin sukar bagi bank-bank untuk memberi pinjaman. Kesannya turut dirasai oleh syarikat-syarikat dan para pengguna yang ternyata tampak lebih tertekan dengan suasana pasaran yang hambar.

Disebabkan sistem kewangan global yang begitu kompleks dan saling berkait, krisis ini kemudiannya merebak ke seluruh dunia. Krisis tersebut yang pada mulanya memberi kesan buruk kepada pasaran kewangan akhirnya turut menjelaskan tahap ekonomi dan turut memberi kesan negatif kepada permintaan global. Keadaan permintaan global yang semakin lemah mula menampakkan kesan ke atas pola eksport. Malah ia telah mempengaruhi negara-negara yang banyak bergantung secara langsung kepada sektor eksport.

**Pertumbuhan KDNK Sebenar (%)**



**Inflasi (YoY%)**




mereka. Kemerosotan eksport turut memberi kesan kepada keyakinan pengguna dan perniagaan apabila syarikat-syarikat mengkaji semula pelan pelaburan mereka dan mula menurunkan kos. Perkara ini telah menyebabkan keimbangan di kalangan negara maju dan sedang membangun mengenai kesan krisis kewangan dan ekonomi yang sedang berlaku.

Kebimbangan awal mengenai kadar inflasi yang tinggi pada separuh pertama tahun 2008 berkurangan apabila prospek ekonomi menjadi semakin suram akibat krisis kewangan tersebut. Menjelang akhir tahun 2008, beberapa buah negara maju telah pun mengalami kemelesetan ekonomi. Apabila masalah kewangan ini mula menular ke seluruh dunia, lebih banyak negara termasuk Malaysia telah memperkenalkan pelbagai pakej rangsangan yang merangkumi dasar fiskal dan monetari bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi.


Untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah proaktif agar negara tidak mengalami kemelesetan ekonomi. Antara langkah yang diperkenalkan adalah pengumuman pakej rangsangan yang bernilai RM7 bilion pada November 2008. Pakej tersebut menyasarkan projek-projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi. Sebagai langkah sampingan untuk menyokong initiatif tersebut, Bank Negara Malaysia turut mengurangkan Kadar Dasar Semalam (“KDS”) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25 peratus pada bulan November. Tindakan tersebut adalah selari dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh bank-bank pusat lain di seluruh dunia.

## PRESTASI KESELURUHAN DANA

Pendapatan Pelaburan Kasar 2008



Pendapatan Pelaburan Kasar 2007



- █ Ekuiti - RM1,223.79 juta
- █ Pendapatan Tetap - RM731.77 juta
- █ SKM - RM380.63 juta
- █ Deposit Pasaran Wang - RM556.05 juta
- █ Pelaburan Alternatif - RM0.47 juta
- █ Tuntutan Balik Cukai - RM112.27 juta
- █ Lebihan - RM4.28 juta


- █ Ekuiti - RM2,339.07 juta
- █ Pendapatan Tetap - RM542.89 juta
- █ SKM - RM275.09 juta
- █ Deposit Pasaran Wang - RM271.49 juta
- █ Pelaburan Alternatif - RM5.30 juta
- █ Tuntutan Balik Cukai - RM134.00 juta
- █ Lebihan - RM130.04 juta

Dalam keadaan ekonomi yang ternyata lembap, Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia hanya berkembang pada kadar 4.6% berbanding kadar pertumbuhan sebanyak 5% yang telah diunjurkan untuk tahun 2008. Ini juga adalah lebih rendah daripada KDNK Malaysia pada tahun 2007, yang telah berkembang sebanyak 6.3%. Kadar pertumbuhan tersebut adalah seiringan dengan perkembangan semasa dan menggambarkan keadaan Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka. Hasil tinjauan ke atas komponen KDNK tahun 2008 menunjukkan kelemahan yang ketara dalam sektor eksport dan pembuatan manakala permintaan domestik menyokong pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan swasta dan perbelanjaan awam.

Bagi tahun 2008, jumlah saiz dana (pada nilai kos) meningkat dari RM47.42 bilion kepada RM54.05 bilion menggambarkan pertumbuhan sebanyak 14.01% atau RM6.64 bilion. Peningkatan ini terdiri daripada hasil pendapatan pelaburan sebanyak RM3.01 bilion, caruman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.65 bilion dan caruman majikan sebanyak RM1.76 bilion.


Pendapatan pelaburan untuk tahun 2008 berjumlah RM3.01 bilion. RM1.67 bilion atau 55.44% daripada jumlah pendapatan pelaburan tahun 2008 diperolehi daripada pelaburan pendapatan tetap; RM1.22 bilion atau 40.67% daripada pelaburan ekuiti persendirian, tuntutan balik cukai dan lebihan.

Peruntukan Dana pada 31 Disember 2008



-  Ekuity - RM13.94 bilion
-  Pendapatan Tetap - RM15.75 bilion
-  SKM - RM10.10 bilion
-  Deposit Pasaran Wang - RM14.14 bilion
-  Pelaburan Alternatif - RM0.10 bilion
-  Lebihan - RM0.02 bilion

Peruntukan Dana pada 31 Disember 2007



-  Ekuity - RM11.96 bilion
-  Pendapatan Tetap - RM13.66 bilion
-  SKM - RM8.74 bilion
-  Deposit Pasaran Wang - RM12.48 bilion
-  Pelaburan Alternatif - RM0.06 bilion
-  Lebihan - RM0.52 bilion

Pendapatan tuntutan balik cukai sebanyak RM112.27 juta diperolehi daripada tuntutan cukai yang dikena ke atas pembayaran dividen oleh ekuiti tersenarai yang ditolak dari sumber.

Pendapatan pelaburan bagi tahun 2008 merosot sebanyak 22.88% berbanding pendapatan pelaburan tahun sebelumnya sebanyak RM3.70 bilion (10 bulan). Penurunan ini menggambarkan cabaran pasaran ekuiti yang menyaksikan Indeks Komposit Kuala Lumpur ("Indeks Komposit") menguncup sebanyak 39.33%. Walaupun dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang mencabar, KWAP telah melaksanakan strategi pelaburan yang wajar disepanjang tahun 2008 dan telah berjaya memperoleh pulangan pelaburan ("ROI") sebanyak 5.93% bagi saiz dana puratanya sebanyak RM50.74 bilion berbanding 8.26% (10 bulan) pada tahun 2007.


Dana yang diuruskan oleh pengurus dana dalam menyumbang RM2.85 bilion atau 94.58% daripada jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM3.01 bilion manakala baki RM163.20 juta disumbangkan oleh dana yang diuruskan oleh pengurus dana luaran. KWAP telah menggunakan perkhidmatan pengurus dana luar untuk menguruskan sebahagian daripada dananya bagi

mewujudkan persekitaran yang kompetitif untuk semua pengurus dananya dan meningkatkan pengetahuan tentang kaedah pelaburan terbaik yang digunakan oleh pengurus dana luar.

Salah satu strategi yang dipakai oleh KWAP dalam tahun 2008 ialah peruntukan aset yang tinggi bagi aset cair (26.16% dalam instrumen pasaran wang) memandangkan jangkaan kelembapan ekonomi global. Strategi ini telah memastikan modal dana dilindungi dan menyediakan peluang untuk memilih pelaburan terpilih pada harga dan masa yang tepat.

Dari segi peruntukan aset, peruntukan kepada ekuiti pada nilai kos berjumlah 25.79% daripada saiz keseluruhan dana berbanding 25.23% pada tahun 2007. Ini menampakkan peningkatan sebanyak RM1.98 bilion. 97.00% daripada jumlah peruntukan ekuiti dilaburkan dalam ekuiti tersiar harga manakala baki 3.00% atau RM418.21 juta dilabur dalam ekuiti tidak tersiar harga. Peruntukan pelaburan pendapatan tetap (merangkumi Pendapatan Tetap, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Deposit Pasaran Wang) meningkat sebanyak RM5.11 bilion walaupun peruntukan pada nilai kos kekal pada 74%. Peruntukan bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia

### Prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur 2008



Sumber: Bloomberg

(“SKM”) dan Deposit Pasaran Wang masing-masing berjumlah 18.68% dan 26.16%. Sebaliknya, peruntukan keseluruhan dana bagi pelaburan ekuiti persendirian telah meningkat dari 0.13% dalam tahun 2007 kepada 0.19% pada 2008, ini menampakkan peningkatan sebanyak RM44.60 juta disebabkan oleh pelaburan dalam empat dana ekuiti persendirian.

### PRESTASI EKUITI

Tahun 2008 merupakan antara tahun paling mencabar bagi para pelabur. Indeks Komposit telah meningkat kepada mata tertinggi 1,516.22 pada awal tahun 2008 sebelum menyusut dan mengakhiri tahun dengan kejatuhan sebanyak 39.33%, yang merupakan kejatuhan terbesar bagi jangkasama setahun sejak krisis kewangan Asia 1997. Indeks Komposit mencecah kadar terendah 52 minggu pada 29 Oktober 2008 dengan 829.41 mata sebelum mengakhiri tahun tersebut pada 876.75 mata.

Walaupun menghadapi keadaan pasaran yang tidak menentu, Jabatan Ekuiti telah pun mula melaksanakan inisiatif model Pelaburan Ekuiti baru yang menekankan pengasangan tugas dan akauntabiliti yang lebih jelas.

Oleh yang demikian, Bahagian Kustodian yang sebelum ini menjadi sebahagian daripada Jabatan Ekuiti telah dipisahkan menjadi jabatan tersendiri yang bertanggungjawab menjaga semua aset yang dipegang oleh KWAP.

Fungsi penyelidikan di bawah Jabatan Penyelidikan telah diserap oleh Jabatan Ekuiti untuk meningkatkan lagi kecekapan proses pelaburan dan aliran maklumat. Walaupun diserap, para penganalisis penyelidikan terus mengekalkan autonomi mereka dalam menjalankan analisis dan mengemukakan cadangan pelaburan. Pada masa yang sama, penyerapan ini telah memperbaiki koordinasi antara penganalisis dan pengurus dana seterusnya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses membuat keputusan pelaburan.

Setelah pembajetan risiko diperkenalkan langkah awal telah diambil untuk menerapkan budaya kesedaran mengenai risiko dalam pengurusan pelaburan ekuiti. Di antaranya ialah penggunaan sasaran pulangan risiko terlaras. Pelaburan ekuiti juga dijangka mengatasi tanda aras strategik yang telah dikenal pasti dalam lingkungan risiko yang ditetapkan.

Sebagai sebahagian daripada proses pengawasan pelaburan, mesyuarat dan lawatan diadakan dari semasa ke semasa terhadap syarikat-syarikat di mana KWAP mempunyai pegangan pelaburan. Sepanjang tahun 2008, KWAP telah menghadiri 48 Mesyuarat Agung Tahunan / Mesyuarat Agung Luar Biasa, 51 taklimat analisa, 72 lawatan syarikat dan 8 lawatan oleh pengurusan kanan ke syarikat-syarikat di mana KWAP mempunyai pegangan pelaburan. Selain itu, mesyuarat telah diadakan bersama setiap pengurus dana ekuiti luar bagi setiap suku tahun.

### **Ekuiti Dalaman**


Ekuiti dalam KWAP dilaburkan sepenuhnya dalam pasaran ekuiti domestik. Pendekatan pengurusan pelaburan yang aktif telah digunakan selaras dengan falsafah pelaburan kami untuk menjana lebihan pulangan melalui pemilihan saham yang berpotensi, dan strategi ini terbukti sesuai untuk tahun 2008. Walaupun pasaran ekuiti domestik mengalami kejatuhan, harga saham syarikat-syarikat yang memberikan dividen tinggi dengan aliran tunai konsisten kekal tidak berubah jika dibandingkan dengan prestasi indeks komposit.

Sehingga 31 Disember 2008, peruntukan pelaburan bagi ekuiti domestik ialah sebanyak RM12.30 bilion atau 22.75% daripada saiz dana (pada nilai kos). RM11.88 bilion atau 96.60% dilaburkan dalam saham tersiar harga dan 3.40% atau RM418.21 juta dilaburkan dalam saham tidak tersiar harga.

Dari segi peruntukan mengikut sektor, 27.8% daripada portfolio ekuiti dalaman dilaburkan dalam sektor minyak dan gas (dengan 26.20% dalam Petronas Gas Berhad), 22.34% dalam sektor kewangan, 12.85% dalam sektor utiliti, 9.25% dalam sektor pengangkutan dan logistik, 9.24% dalam sektor perladangan dan 6.37% dalam sektor telekomunikasi.

Walaupun keadaan pasaran mencabar akibat impak krisis kewangan global ke atas pasaran ekuiti domestik, KWAP telah berjaya mencatatkan pendapatan pelaburan yang memberangsangkan sebanyak RM1.08 bilion dengan ROI pada 9.46%. Walau bagaimanapun, prestasi 2008 mencatatkan penurunan sebanyak 47.30% berbanding prestasi 2007. Daripada keseluruhan pendapatan pelaburan, RM594.9 juta atau 55.04% adalah hasil jualan saham dan baki RM485.97 daripada pendapatan dividen setelah ditolak cukai.

### **Ekuiti Dalaman – Pelaburan Mengikut Sektor 2008**





### Pengurus Dana Luar - Ekuiti

Sebanyak 12.15% daripada jumlah pelaburan ekuiti tersiar harga adalah diuruskan oleh empat pengurus dana ekuiti luar. Dalam tahun 2008, dana yang diperuntukkan kepada pengurus dana ekuiti luar meningkat dari RM1.41 bilion kepada RM1.64 bilion pada 31 Disember 2008 akibat suntikan modal sebanyak RM230 juta.

Bagi tahun 2008, pengurus dana ekuiti luar telah menyumbangkan pendapatan agregat sebanyak RM142.91 juta atau ROI sebanyak 9.35%. Sejumlah RM87.37 juta diperolehi daripada keuntungan jualan saham, RM9.15 juta dari pendapatan faedah dan baki RM36.87 juta daripada pendapatan dividen.

### MyETF

Pada awal tahun 2008, KWAP telah menjadi salah satu penyumbang dana kepada MyETF Indeks Pasaran Islam Dow Jones Malaysia Titans 25 (“MyETF”), sebuah Dana Dagangan Bursa (“ETF”) Shariah kebangsaan dan ETF Shariah global pertama dan disenaraikan pada 31 Januari 2008. Pada akhir tahun 2008, pelaburan KWAP dalam MyETF berjumlah RM102.10 juta.

### Ekuiti Tidak Tersiar Harga

Sepanjang tahun 2008, pelaburan dalam saham tidak tersiar harga (pada nilai kos) kekal pada RM418.21 juta. Pendapatan dividen yang diterima daripada saham tidak tersiar harga berjumlah RM28.67 juta bagi tahun 2008.

### PRESTASI PENDAPATAN TETAP

Tahun 2008 merupakan tahun yang tidak menentu untuk pasaran pendapatan tetap di mana kadar pulangan tidak menentu akibat perubahan keadaan ekonomi sepanjang tahun. Spekulasi ke atas mata wang telah menyebabkan kadar pulangan yang rendah pada awal tahun. Walau bagaimanapun pada pertengahan tahun, keimbangan inflasi telah meningkatkan semula kadar pulangan. Pada penghujung tahun kewangan, pasaran bon telah mengalami kejatuhan apabila kadar pulangan mula merosot disebabkan keimbangan pertumbuhan ekonomi lembap dan pengurangan kenaikan inflasi. Pada November 2008, Bank Negara Malaysia telah menurunkan KDS sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% dengan jangkaan ianya akan diturunkan lagi pada 2009.

Pada 2008, Jabatan Pendapatan Tetap telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengukuhkan lagi proses pelaburan. Penubuhan Unit Penilaian Kredit telah dicadangkan untuk mengasingkan fungsi pelaburan dan pemprosesan serta untuk memudahkan proses penilaian dan pengawasan kredit. Selain itu, polisi dan prosedur telah diperbaiki untuk meluaskan lagi skop pelaburan dalam instrumen-instrumen pendapatan tetap dan pasaran wang yang lain.

Pelaburan pendapatan tetap terdiri daripada 4 kelas sub-aset, iaitu sekuriti kerajaan, bon korporat, pinjaman dan deposit pasaran wang. Pelaburan dalam sekuriti kerajaan terdiri daripada SKM, Terbitan Pelaburan Kerajaan (“GII”), Bil-Bil Perbendaharaan dan Nota-Nota Bank Negara Malaysia.

Bagi bon korporat, KWAP melabur dalam Bon Bersiri Kadar Tetap, Nota Tempoh Sederhana dan Kertas Komersil Konvensional dan Islam. Dalam sektor pinjaman pula, KWAP memberi pinjaman terutamanya kepada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Aktiviti deposit pasaran wang termasuk peletakan deposit dan deposit pasaran wang dengan institusi kewangan serta pelaburan dalam instrumen pasaran wang lain seperti Terimaan Jurubank ("BA") dan Instrumen Deposit Boleh Niaga ("NID").

Kos pelaburan KWAP bagi pendapatan tetap berjumlah RM39.99 bilion atau 73.98% daripada saiz dana, berbanding RM34.88 bilion atau 73.55% pada tahun 2007. Jumlah pendapatan kasar meningkat sebanyak 53.14% kepada RM1.67 bilion pada tahun 2008 berbanding RM1.09 bilion pada 2007. Sumbangan pendapatan bagi pelaburan pendapatan tetap adalah seperti berikut:


#### (i) Bon Korporat

Pada 2008, pegangan keseluruhan bon korporat, termasuk dana yang diurus oleh pengurus dana pendapatan tetap luar meningkat kepada RM8.34 bilion daripada RM6.21 bilion pada akhir tahun 2007. Pendapatan kasar meningkat sebanyak 109.54% kepada RM363.36 juta dalam tahun 2008 berbanding RM173.41 juta dalam tahun 2007. Pelaburan dalam bon korporat terdiri daripada RM4.69 bilion dalam bon korporat konvensional, RM3.15 bilion dalam bon Korporat Islam dan RM500 juta yang diuruskan oleh pengurus dana pendapatan tetap luar.

#### (ii) Sekuriti Kerajaan

Pelaburan KWAP dalam sekuriti kerajaan meningkat sebanyak 15.51% kepada RM10.10 bilion dalam tahun 2008 berbanding RM8.74 bilion dalam tahun 2007. Pendapatan kasar adalah lebih tinggi sebanyak 37.42% iaitu sebanyak RM378.04 juta dalam tahun 2008 berbanding RM275.09 juta pada tahun 2007. Jumlah terbitan SKM dan GII menyaksikan peningkatan sebanyak 13.0% daripada RM53 bilion pada tahun 2007 kepada RM60 bilion tahun 2008.


#### Pulangan SKM 2008



#### (iii) Pinjaman

Jumlah pinjaman yang diberikan oleh KWAP kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri kekal pada RM261.89 juta pada tahun 2008. Pemberian pinjaman kepada pihak berkuasa awam dan korporat menyaksikan penurunan dari RM5.38 bilion pada tahun 2007 kepada RM4.45 bilion pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, pinjaman kepada entiti korporat telah meningkat kepada RM2.70 bilion pada tahun 2008 daripada RM1.80 bilion pada tahun 2007. Jumlah portfolio pinjaman secara keseluruhan mencatatkan sedikit penurunan dari RM7.44 bilion dalam tahun 2007 kepada RM7.41 bilion pada tahun 2008. Pendapatan kasar juga menguncup dari RM369.48 juta pada tahun 2007 kepada RM368.41 juta pada tahun 2008.

#### Profil Pecahan Penarafan Portfolio Bon Korporat



(iv) Deposit Pasaran Wang

Sehingga 31 Disember 2008, pelaburan dalam pasaran wang adalah terdiri daripada Simpanan Tetap, Peletakan Jangka Pendek, Terimaan Jurubank dan Instrumen Deposit Boleh Niaga sama ada dalam instrumen Islam dan Konvensional. Jumlah pegangan dalam pasaran wang meningkat sebanyak 13.32% kepada RM14.14 bilion pada 2008 berbanding RM12.48 bilion pada 2007. Dalam tahun 2008, Deposit Pasaran Wang telah menyumbang pendapatan kasar sebanyak RM556.05 juta yang telah mencatatkan peningkatan sebanyak 104.81% dari RM271.49 juta yang dicapai dalam tahun 2007.

#### Pengurus Dana Luar - Pendapatan Tetap

Peruntukan pelaburan pendapatan tetap yang diuruskan oleh pengurus dana pendapatan tetap luar kekal sebanyak RM500 juta bagi tahun 2008. Dalam tahun 2008, pengurus dana pendapatan tetap luar mencatatkan agregat pendapatan sebanyak RM24.81 juta bersamaan ROI 4.96%. Agregat pendapatan ini diperolehi melalui keuntungan jualan sebanyak RM0.79 juta, faedah kupon sebanyak RM22.02 juta dan faedah atas deposit pasaran wang sebanyak RM2 juta.

Sebagai sebahagian daripada proses pengawasan pelaburan, mesyuarat dan lawatan diadakan dari semasa ke semasa terhadap syarikat-syarikat di mana KWAP mempunyai pegangan pelaburan. Sepanjang tahun 2008, KWAP telah melaksanakan 5 lawatan syarikat dan 3 lawatan oleh pengurusan kanan ke syarikat-syarikat di mana KWAP mempunyai pegangan pelaburan. Selain itu, mesyuarat telah diadakan bersama setiap pengurus dana pendapatan tetap luar bagi setiap suku tahun.

#### PRESTASI PELABURAN ALTERNATIF

Setakat 31 Disember 2008, jumlah komitmen dan pelaburan bagi tiga dana pelaburan ekuiti persendirian asing dan satu dana pelaburan ekuiti persendirian domestik masing-masing berjumlah RM213.11 juta dan RM104.87 juta. Pada tahun 2008, sebanyak RM44.98 juta telah dilaburkan untuk 4 dana ekuiti persendirian seperti yang dinyatakan berikut:

Dana	Tahun	Jumlah Pelaburan	Komitmen
IDB Infrastructure Fund LP	2001	USD4.78 juta	USD7 juta
Actis ASEAN Fund LP	2004	USD5.89 juta	USD10 juta
Lombard Asia III LP	2006	USD12.97 juta	USD30 juta
CIMB-Mapletree Real Estate Fund 1	2005	RM21.25 juta	RM50 juta

Bagi tahun 2008, KWAP telah menerima pengagihan dalam bentuk pembayaran semula modal berjumlah RM0.34 juta dan pendapatan dividen sebanyak RM0.47 juta. Memandangkan dana ekuiti persendirian KWAP yang lain masih lagi di peringkat pelaburan, pengagihan kepada KWAP bagi tahun 2008 hanya diterima daripada IDB Infrastructure Fund LP.



**Kami sentiasa fokus terhadap pengurusan  
pelaburan dan risiko yang berhemat untuk  
mengoptimumkan pulangan.**





# Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Lembaga KWAP mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik dalam mengendalikan hal ehwal KWAP dengan nilai teras seperti berorientasikan pencapaian, ketelusan, profesionalisme, kerja berpasukan, integriti dan pembelajaran berterusan adalah komponen penting yang menyumbang kepada kesinambungan kemajuan dan kejayaan organisasi. Ia bukan hanya akan melindungi dan mempertingkatkan pelaburan dan nilai pihak berkepentingan, malah turut memastikan kelincinan perjalanan operasi.

KWAP mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh Ahli Lembaga, Ahli Panel Pelaburan dan pihak pengurusan dalam merangka dan menentukan hala tuju serta operasi KWAP. KWAP diterajui dan dikendalikan oleh ahli Lembaga yang berpengalaman dan mahir dari pelbagai latar belakang iaitu sektor Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia dan wakil pencarum. Ia adalah penting dalam pencapaian strategik KWAP secara keseluruhannya.

## LEMBAGA

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) (“Akta”), menyatakan bahawa KWAP hendaklah mempunyai Lembaga yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan organisasi di mana Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas-tugasnya sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta dan mengambil semua tindakan yang boleh dilaksanakan atau dilakukan oleh KWAP.

### Komposisi Lembaga

Lembaga terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) seorang Pengerusi yang merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;

- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli ex-officio;
- (v) tiga (3) wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) tiga (3) individu lain daripada sektor swasta dengan pengalaman dan kapakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) seorang individu yang, pada pendapat Menteri Kewangan, hendaklah mewakili pencarum kepada Kumpulan Wang secara saksama selain daripada wakil-wakil Kerajaan Malaysia.

Pengerusi bertanggungjawab terhadap pengendalian dan perjalanan Lembaga yang teratur manakala Ketua Pegawai Eksekutif pula, sebagaimana yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi keseluruhan perniagaan dan pelaksanaan keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan selaras dengan Akta. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh kumpulan pengurusan dalam pentadbiran harian KWAP dan kawalan pentadbiran kakitangannya.

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga dibentangkan di muka surat 8 hingga 11 dalam Laporan Tahunan ini.

### Tanggungjawab dan Akauntabiliti Lembaga

Lembaga ditubuhkan untuk mentadbir dan mengurus KWAP melalui pendekatan yang dapat mempertingkatkan kepentingan pencarum dan pihak berkepentingan. Fungsi Lembaga adalah untuk merumus polisi dan prosedur dan memastikan supaya KWAP mencapai objektifnya dengan jaya dan cemerlang.

Lembaga menjalankan beberapa tugas seperti memantau tatacara operasi, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem-sistem yang sesuai untuk mengurus risiko tersebut serta mengkaji keberkesanan dan integriti sistem-sistem kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

Skop akauntabiliti Lembaga termasuk merangka peraturan sebagaimana yang diperlukan dan wajar untuk memenuhi kehendak peruntukan Akta, antara lain termasuk:

- (i) mewujudkan prosedur berhubung hal-hal kewangan dan perakaunan, termasuk menyimpan, menutup dan mengaudit akaun-akaun KWAP dan pembentukan prosedur kewangan dan perakaunannya sendiri;
- (ii) untuk menggariskan tanggungjawab kakitangan KWAP termasuk dalam perkara-perkara berkaitan imbuhan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti anggotanya;
- (iii) mewujudkan jawatankuasa disiplin berhubung tatatertib dan disiplin kakitangan KWAP;
- (iv) menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang diperlukan serta prosedur bagi jawatankuasa berkenaan;
- (v) untuk melaraskan prosedur dalaman termasuk hal-hal berkaitan operasi;
- (vi) menggariskan tatacara di mana sebarang bentuk dokumen, cek dan surat cara patut ditandatangani atau dilaksanakan bagi pihak KWAP;
- (vii) menggariskan situasi kecemasan seperti yang terkandung di dalam Akta; dan
- (viii) mewujudkan prosedur berkaitan wang tak dituntut sepertimana dinyatakan dalam Akta.

## PANEL PELABURAN

Akta menghendaki penubuhan Panel Pelaburan yang akan bertanggungjawab atas hal-hal berkaitan pelaburan dana.

### Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) seorang Pengerusi yang merupakan Pengerusi Lembaga atau individu lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (vi) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan bertindak sebagai Setiausaha; dan
- (v) tiga (3) individu lain daripada sektor swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan.

### Tugas dan Tanggungjawab Utama Panel Pelaburan

Panel Pelaburan secara umumnya bertanggungjawab untuk meluluskan, antara lain, arah tuju strategik KWAP yang berkaitan pelaburan, Polisi dan Garis Panduan Pelaburan, pembahagian aset dan cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktiviti其nya kepada Lembaga dan hendaklah bertindak menurut polisi yang dikeluarkan oleh Lembaga dan diluluskan oleh Menteri Kewangan dari masa ke semasa.



# Lembaga dan Panel Pelaburan

## PELANTIKAN DAN SARAAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Pelantikan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan adalah untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, ahli layak untuk dilantik semula. Tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan hendaklah dibayar saraan sebagaimana yang akan ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

## MESYUARAT LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menghendaki Lembaga dan Panel Pelaburan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan untuk mempertimbangkan, mengkaji, menilai dasar serta strategi dan memantau prestasi Pengurusan. Sepanjang tahun 2008, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali termasuk empat kali (4) Mesyuarat Khas Lembaga dan sekali (1) Mesyuarat Khas Lembaga dan Panel Pelaburan dan sepanjang tahun 2008, lapan (8) Mesyuarat Panel Pelaburan telah diadakan, termasuk sekali (1) Mesyuarat Khas Lembaga dan Panel Pelaburan.

Lembaga mempertimbangkan dan meluluskan cadangan-cadangan mengenai pentadbiran dan operasi, polisi-polisi, isu-isu strategik, pelantikan dan kelulusan penyata kewangan KWAP. Kesemua Ahli-Ahli Lembaga diberi maklumat yang diperlukan sebelum setiap mesyuarat untuk membolehkan mereka memberi pertimbangan yang sewajarnya dan seterusnya membuat keputusan ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Mesyuarat Lembaga dijalankan dari masa ke semasa dan juga untuk membincangkan isu-isu penting berkaitan cadangan korporat atau perkara yang memerlukan keputusan atau pun pandangan segera Lembaga.

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah mempergerusikan kesemua mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut agenda. Agenda setiap mesyuarat Lembaga dan kertas pembentangan berkaitan dengan butiran agenda diedarkan kepada semua Ahli Lembaga sekurang-kurangnya 3 hari sebelum mesyuarat Lembaga. Ini adalah untuk memudahkan Lembaga mengkaji kertas Lembaga dan menyemak isu-isu yang akan diperbincangkan di mesyuarat Lembaga sebelum tarikh mesyuarat.

Kertas Lembaga disediakan secara komprehensif dan ringkas yang merangkumi laporan kemajuan operasi; maklumat terperinci mengenai tawaran perniagaan dan cadangan korporat termasuk, sekiranya relevan, dokumen sokongan seperti nasihat profesional daripada peguam atau penasihat; polisi dan garis panduan baru yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan laporan untuk memberikan maklumat terkini kepada Lembaga mengenai pelaburan KWAP. Segala maklumat sulit samada isu-isu yang sensitif atau cadangan korporat hanya akan diedarkan semasa mesyuarat Lembaga.

Sekiranya mana-mana Ahli Lembaga mempunyai kepentingan dalam cadangan yang dipertimbangkan oleh Lembaga, Lembaga akan mengumumkan perihal kepentingan tersebut di Mesyuarat Lembaga. Ahli Lembaga yang berkepentingan itu akan dikecualikan daripada mengambil bahagian dalam perbincangan cadangan tersebut.

Lembaga mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan operasi KWAP dalam melaksanakan tugas mereka. Maklumat dan penerangan lanjut atas perkara yang dibincangkan oleh Lembaga dihuraikan semasa mesyuarat Lembaga oleh Pengurusan Kanan.

Dalam keadaan di mana kelulusan segera diperlukan, dan setiausaha Lembaga atau Panel Pelaburan tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh diperolehi secara edaran kepada semua Ahli Lembaga atau Panel Pelaburan. Walau bagaimanapun, keputusan secara edaran hendaklah sebulat suara dan dibentangkan pada mesyuarat seterusnya untuk ratifikasi. Resolusi bertulis yang ditandatangani oleh semua Ahli Lembaga atau Panel Pelaburan adalah sah dan berkuat kuasa sepetimana ia telah diluluskan pada mesyuarat Lembaga dan Panel Pelaburan.



# Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (“RMC”) ditubuhkan untuk membantu Lembaga untuk melaksanakan fungsinya dalam pengurusan risiko.

RMC hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) Ahli Lembaga , contohnya Pengerusi dan dua (2) ahli lain, yang kesemuanya akan dilantik oleh Lembaga .

## Tugas dan Tanggungjawab RMC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:

- (i) untuk merangka dan melaksanakan strategi dan polisi pengurusan risiko;
- (ii) untuk menilai dan mencadangkan bagi kelulusan Lembaga, polisi dan prosedur pengurusan risiko- risiko perniagaan dan kewangan seperti risiko pasaran, risiko kredit, risiko strategi dan risiko operasi;
- (iii) untuk menentukan tahap/had/parameter risiko bagi kelulusan Lembaga ;
- (iv) untuk menilai/mengkaji polisi sedia ada dan yang baru, mengawal dan mencadangkan kepada Lembaga untuk perubahan mutakhir, kelulusan dan pengadaptasian;
- (v) untuk memastikan keberkesanan polisi dan sistem pengurusan risiko dan tahap di mana polisi dan sistem tersebut beroperasi secara efektif;
- (vi) untuk memastikan yang infrastruktur, sumber dan sistem disediakan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- (vii) untuk menentukan pendedahan risiko KWAP dan aktiviti pengurusan risiko;
- (viii) untuk merangka Pengurusan Kesinambungan Perniagaan; dan
- (ix) untuk mempertimbangkan isu-isu lain berkaitan risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga .

# Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit (“AC”) ditubuhkan untuk memastikan pembentukan dan penguatkuasaan kawalan dalaman dan sistem KWAP.

AC hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) Ahli Lembaga , iaitu Pengerusi dan dua (2) ahli lain, yang kesemuanya akan dilantik oleh Lembaga .

Lembaga mungkin, pada bila-bila masa boleh menamatkan atau mengubah komposisi Jawatankuasa Audit dan sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia.

## Tugas dan Tanggungjawab AC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab AC:

- (i) untuk mencadangkan dan menyemak peraturan kewangan, peraturan perakaunan, polisi dan amalan;
- (ii) untuk menyemak dan berbincang tentang sifat dan skop pelan audit dalaman dan luar dan memastikan koordinasi kaedah antara juruaudit dalaman dan luar;
- (iii) untuk menyemak penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan pengurusan dan juruaudit sebelum diluluskan oleh Lembaga ;
- (iv) untuk membincangkan masalah dan kemosyikilan yang timbul daripada audit interim dan akhir dan sebarang perkara yang hendak dibincangkan oleh juruaudit (tanpa pihak pengurusan, sekiranya perlu);
- (v) untuk mengkaji pemerhatian audit juruaudit luar dan jawapan daripada pihak pengurusan;
- (vi) untuk mempertimbangkan penemuan utama daripada siasatan dalaman dan jawapan daripada pihak pengurusan;
- (vii) untuk mengarahkan sebarang siasatan khas dibuat oleh juruaudit dalaman dan mengkaji penemuan juruaudit dalaman tersebut;
- (viii) untuk mempertimbangkan sebarang urus niaga dengan pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan);
- (ix) untuk memberikan penilaian bebas mengenai keberkesanan dan ketahanan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan kepatuhan dengan polisi risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan penguatkuasaan;
- (x) untuk mengkaji perubahan kepada Prosedur Kewangan; dan
- (xi) untuk mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga .

# Program Transformasi

Pada Mei 2008, Lembaga telah memberi kelulusan kepada KWAP untuk mengkaji semula dan mempertingkatkan model perniagaan sedia ada dan keupayaannya bagi membolehkan KWAP mencapai visinya untuk menjadi dana yang berprestasi tinggi serta menjamin faedah penceh yang berkekalan.

Kajian tersebut mencadangkan supaya KWAP menggunakan model pengurusan aset yang berasaskan pulangan di mana model ini memberi penekanan terhadap pertumbuhan saiz dananya bagi membiayai liabiliti penceh Kerajaan. Untuk mencapai matlamat ini, KWAP telah merangka empat teras strategik seperti berikut:



## VISI MASA DEPAN

**Organisasi berprestasi tinggi  
menjamin faedah penceh yang  
berterusan**

TERAS STRATEGIK	Meningkatkan pulangan selepas pelarasan risiko	Penerapan kesedaran pengurusan risiko	Penerapan budaya prestasi	Pengurusan profesional yang berkebolehan
	Meningkatkan pulangan selepas pelarasan risiko atau pun “risk adjusted returns” melalui kepelbagaian pelaburan	Menerapkan budaya pengurusan risiko dalam setiap aspek pengurusan organisasi	Organisasi berdasarkan prestasi dengan akauntabiliti dan Petunjuk Prestasi Utama yang jelas	Menarik, membangun dan mengekalkan profesional yang berkebolehan

### Meningkatkan Pulangan Selepas Pelarasan Risiko

Untuk mempertingkatkan pulangan selepas pelarasan risiko, KWAP akan mempelbagaikan pelaburannya dalam kelas aset yang baru termasuklah kategori aset asing. Ini akan dicapai dengan mengkaji semula Peruntukan Aset Strategik (“SAA”) sedia ada dan beralih kepada SAA baru yang dijangka akan memberi pulangan yang lebih baik dalam lingkungan parameter risiko yang ditetapkan.

### Penerapan Kesedaran Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko tidak tertumpu hanya kepada penubuhan fungsi pengurusan risiko di dalam organisasi sahaja tetapi lebih menjurus kepada penerapan amalan pengurusan risiko dalam setiap aktiviti di seluruh peringkat organisasi. Dengan mengambil kira perkara di atas dan ditambah pula dengan suasana pelaburan kompleks yang mungkin akan dihadapi oleh KWAP pada masa akan datang, penerapan kesedaran pengurusan risiko telah dipilih sebagai satu daripada teras strategik KWAP.

## Penerapan Budaya Prestasi

Kaedah pelaburan dan pengurusan risiko yang betul tidak menjamin kejayaan sesebuah organisasi melainkan wujudnya penyelarasian antara sasaran organisasi dan kakitangan. Untuk mencapainya, adalah penting bagi KWAP untuk membentuk persekitaran kerja yang mempunyai akauntabiliti yang jelas, Penunjuk Prestasi Utama dan skim ganjaran berdasarkan prestasi yang sesuai.

## Pengurusan Profesional yang Berkebolehan

Atas kesedaran bahawa sumber manusia merupakan aset paling penting bagi KWAP untuk mencapai sasarannya, pengurusan profesional yang berkebolehan secara efektif telah dikenal pasti sebagai satu lagi teras strategik. Ini memerlukan KWAP mengkaji bagaimana ia boleh membangunkan kebolehan dalamannya secara optimum disamping menarik profesional-profesional baru yang berkebolehan, dengan memberi penekanan terhadap permintaan organisasi bagi kemahiran dan kepakaran teknikal serta bakat kepimpinan untuk memacu KWAP ke tahap yang seterusnya.

Untuk merealisasikan empat teras strategik ini, program transformasi dengan 20 inisiatif telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun seperti yang ditunjukkan di bawah:

Organisasi	Pengurusan Pelaburan	Pengurusan Risiko
Semakan gred, skim ganjaran dan Penunjuk Prestasi Utama	Semakan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan	Membina fungsi pengurusan risiko
Peralihan kepada struktur organisasi yang baru	Peralihan kepada Peruntukan Aset Strategik yang baru	Melaksanakan standard risiko operasi
Pengubahsuaian susun atur pejabat	Mengguna pakai model Pelaburan Ekuiti yang baru	Melaksanakan Pelan Kesinambungan Perniagaan
Pembangunan program latihan pengurusan dan biasiswa	Mengguna pakai model Pelaburan Pendapatan Tetap yang baru	Melaksanakan Pelan Risiko Strategik
	Membentuk fungsi Pengurusan Dana Luar	Melaksanakan sistem pengurusan risiko
	Membentuk fungsi pemantauan prestasi perniagaan	Membentuk fungsi audit dalaman
	Melaksanakan Sistem Pengurusan Portfolio	
	Mengkontrakkan fungsi kustodian kepada pihak luar	
	Membentuk fungsi strategi portfolio	
	Membentuk fungsi Peruntukan Taktikal Aset	

## Pengurusan Perubahan dan Komunikasi

## Pengurusan Perubahan dan Komunikasi

Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program transformasi, Pejabat Pengurusan Projek (“PMO”) telah dibentuk pada Ogos 2008, yang bertanggungjawab untuk:

- Mengenal pasti dan menyusun inisiatif-inisiatif untuk dilaksanakan;
- Memantau dan melaporkan kemajuan pelaksanaan inisiatif;
- Memudahkan dan menyelesaikan halangan, sekiranya ada, semasa pelaksanaan inisiatif tersebut; dan
- Membangunkan pelan komunikasi serta membantu pelaksanaan aktiviti komunikasi dengan pihak yang berkepentingan.

PMO melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan memaklumkan kemajuan program transformasi kepada Lembaga pada setiap bulan dengan mengetengahkan isu-isu untuk panduan dan keputusan.

Oleh kerana pengurusan perubahan adalah integral kepada kejayaan program transformasi ini, maka fokus perubahan pengurusan bagi tahun 2008 disasarkan kepada:

- Menerapkan kesedaran mengenai tujuan transformasi;
- Membentuk kesanggupan di kalangan kakitangan untuk berubah dan menerima program transformasi; dan
- Melengkapkan organisasi dengan tatacara kerja yang lebih efektif dan sistem yang baru untuk melaksanakan perubahan dengan lebih berkesan.

Pelaksanaan 20 inisiatif ini telah pun bermula mulai September 2008 dan akan diteruskan sehingga 2009. Pencapaian setakat 2008 adalah seperti berikut:

Bahagian Tumpuan	Pencapaian
Organisasi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mereka struktur organisasi yang baru</li></ul>
Pengurusan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyemakan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan</li><li>• Mengguna pakai peruntukan aset strategik baru</li><li>• Mereka model operasi ekuiti dan pendapatan tetap yang baru</li><li>• Penubuhan Jabatan Pengurusan Dana Luar</li><li>• Penubuhan Jabatan Kustodian dan Jabatan Penyelesaian Pelaburan</li></ul>
Pengurusan Risiko	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memperkenalkan rangka pengurusan risiko dan profil risiko korporat</li></ul>


# Pengurusan Caruman

## Caruman Pencen

Salah satu tanggungjawab utama KWAP adalah memastikan pembayaran caruman pencen daripada Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan Agensi tepat pada masanya menurut Akta Pencen Pihak-Pihak Berkua Berkanun dan Kerajaan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeling Perkhidmatan Bil. 12/2008.


Pada 2008, KWAP menerima caruman sebanyak RM3.42 bilion, di mana RM1.65 bilion adalah daripada caruman tahunan Kerajaan Persekutuan; caruman majikan sebanyak RM515 juta daripada Badan-badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan Agensi; dan terimaan bahagian Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Simpanan Guru berjumlah RM1.26 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 38% berbanding jumlah caruman pencen yang diterima pada tahun 2007 berjumlah RM2.47 bilion.

## Kutipan Caruman




Pada 31 Disember 2008, terdapat 493 majikan yang mencarum dan 106,944 ahli berdaftar. Berbanding tahun 2007, terdapat 475 majikan yang mencarum dan 104,081 ahli berdaftar.

## Majikan yang Mencarum



## Ahli Berdaftar



### Majikan Baru yang Berdaftar pada 2008

Pada 2008, KWAP telah mendaftarkan majikan yang mencarum seperti berikut:

- i. Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia
- ii. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam
- iii. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

### Pembayaran Balik

Pada tahun 2008, permohonan pembayaran balik menunjukkan peningkatan 36% kepada RM14.91 juta berbanding RM10.95 juta pada tahun sebelumnya.

	2008	2007	Varian
Pembayaran Balik (RM)	14.91 juta	10.95 juta	3.96 juta
Bilangan Permohonan	5,008	3,985	1,023

### Lawatan Pematuhan dan Penguatkuasaan pada 2008

Objektif lawatan pematuhan dan penguatkuasaan adalah untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkua Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12/2008 serta mengadakan sesi taklimat kepada majikan yang mencarum dalam mendidik dan menerangkan kepada mereka mengenai isu-isu yang berkaitan dengan caruman pencen.

Sepanjang tahun 2008, KWAP telah menjalankan lawatan pematuhan dan penguatkuasaan di Pulau Pinang, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Selangor yang merangkumi 50 majikan yang mencarum.

Lawatan Pematuhan dan penguatkuasaan pada 2008

Negeri	Bilangan Majikan	Tarikh Lawatan
Pulau Pinang	21	25 – 28 Feb.
Sarawak	21	20 – 24 Okt.
Wilayah Persekutuan	2	20 Nov.
Selangor	6	18 Nov. & 3 Dis.



# Pengurusan Sumber Manusia

Selaras dengan aspirasi KWAP untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, pembangunan serta pemantapan sumber manusia telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang perlu diberi keutamaan. KWAP menyedari akan kepentingan serta keperluan untuk meningkatkan tahap kepakaran dan kemahiran kakitangannya agar dapat kekal berdaya saing dalam industri pelaburan yang amat mencabar. Keutamaan juga diberikan ke arah membentuk sebuah persekitaran kerja yang kondusif di mana keupayaan kakitangan boleh dimaksimumkan. Idea serta penekanan ini diperkuatkan lagi dengan cadangan-cadangan yang dibuat di bawah model perniagaan KWAP yang baru.

Oleh yang demikian, penekanan telah diberikan terhadap pembangunan sumber manusia bagi tahun 2008.

## Latihan dan Pembangunan

Pada 2008, KWAP mencapai purata 9 hari latihan bagi setiap kakitangan. Program-program latihan yang dilaksanakan dirangka khas untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran kakitangan bagi memastikan semua kakitangan sentiasa bersedia dan dapat menerima perubahan dan cabaran yang dihadapi oleh KWAP.

Antara program pembangunan dalam yang dilaksanakan termasuk Kelas Bahasa Inggeris Perniagaan untuk Kakitangan Pengurusan, Program Pembangunan untuk Kakitangan Bukan Eksekutif serta Bengkel Sosial dan Etika Perniagaan bagi Kakitangan Pengurusan Kanan.

Sejajar dengan misi KWAP untuk melaksanakan prinsip pengurusan risiko yang kukuh dalam pelaburan, pelbagai usaha telah dibuat untuk menerapkan budaya kesedaran mengenai kepentingan pengurusan risiko di dalam setiap aspek pekerjaan. Antara usaha yang dijalankan adalah dengan mengadakan Bengkel Pengurusan Risiko yang melibatkan kakitangan KWAP di setiap peringkat. Selain itu, dalam usaha meningkatkan pelaporan kewangan, beberapa bengkel dalaman mengenai kaedah "Financial Reporting Standards" ("FRS") telah diadakan.

Bagi menyemai dan menggalakkan perkongsian pengetahuan di antara kakitangan, satu siri ceramah umum yang dikenali sebagai "The Golden Hour Series" telah diperkenalkan di KWAP. Sesi tersebut diadakan sebulan sekali dan bagi tahun 2008 sebanyak sebelas sesi yang melibatkan 22 orang kakitangan sebagai penceramah telah diadakan. Antara topik-topik yang dikongsi bersama semasa sesi tersebut ialah berkaitan pengurusan dan kemahiran kepimpinan, motivasi diri, penambahbaikan dan peningkatan proses kerja dan pengenalan idea-idea baru yang berkaitan dengan KWAP.

KWAP juga telah memperkenalkan satu siri ceramah kepimpinan yang dinamakan "KWAP Leadership Series" yang mengetengahkan penceramah dan tokoh korporat yang berpengalaman dan ternama untuk berkongsi pendapat serta pengalaman mereka khususnya dalam bidang kepimpinan, pengurusan dan pembangunan korporat. Siri ceramah ini juga bertindak sebagai satu platform untuk meningkatkan perkongsian ilmu pengetahuan serta mengeratkan perhubungan sosial di kalangan kakitangan KWAP serta tetamu-tetamu jemputan yang terdiri daripada profesional korporat di dalam industri pelaburan.

Antara inisiatif yang diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan teknikal serta memperkuatkhan tahap profesionalisme kakitangan KWAP memperkenalkan Skim Bantuan Kewangan CFA. Ia merupakan sebuah skim bantuan pendidikan yang dibuka kepada kakitangan KWAP yang ingin memperbaiki dan mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam sektor kewangan dengan menduduki peperiksaan "Chartered Financial Analyst". Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan KWAP untuk mewujudkan serta membangunkan profesional yang berkebolehan di dalam organisasi dengan menggalakkan kakitangannya mengambil cabaran dan tanggungjawab yang lebih besar.

## Prestasi Kakitangan

Dalam usaha menjadikan KWAP sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, penekanan serta tumpuan yang tinggi diberikan terhadap pemantauan prestasi kakitangannya. Petunjuk Prestasi Utama ("KPI") korporat yang selaras dengan pelan perniagaan KWAP telah diperkenalkan. KPI korporat ini kemudiannya telah diterjemahkan kepada KPI individu di peringkat pengurusan dan dirangka menggunakan format "Balanced Scorecard" yang merangkumi semua aspek aktiviti KWAP.

## Kebajikan dan Faedah Kakitangan

Dalam usaha berterusan untuk mempromosikan KWAP sebagai majikan pilihan yang mampu berdaya saing khususnya dalam industri pelaburan dan kewangan, beberapa penambahbaikan telah dibuat ke atas pakej penggajian serta faedah kakitangannya. Antara inisiatif utama yang dilakukan adalah mengkaji semula skim gaji. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan skim penggajian yang lebih kompetitif agar KWAP dapat menarik serta mengekalkan kakitangan yang berkebolehan.



# Audit Dalaman

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan KWAP untuk meningkatkan kawalan dalamannya, beberapa bahagian utama operasi iaitu ekuiti dan pendapatan tetap, kewangan dan pentadbiran dan pengurusan caruman telah diaudit pada tahun 2008 untuk mengenal pasti perkara-perkara yang perlu dipertingkatkan. Sebagai susulan kepada pemerhatian audit, beberapa usaha peningkatan telah dilaksanakan pada 2008 seperti berikut:

Bahagian yang Dipertingkatkan	Penerangan
Pengasingan Tugasan	Fungsi kustodian dan penyelesaian pelaburan diasingkan daripada operasi pelaburan untuk memastikan pelaksanaan mekanisme pemeriksaan yang tepat.
Prosedur Operasi Standard (“SOP”)	SOP bagi pelaburan dan fungsi sokongan KWAP telah disediakan.
Tatacara dan Proses Kerja bagi Jabatan Caruman	Kelulusan daripada Lembaga telah diperolehi untuk membangun dan melaksanakan Sistem Pengurusan Caruman Berkomputer yang baru dalam tahun 2009 untuk mengautomasikan proses kerja Jabatan.
Akta Kumpulan Wang Persaraan, 2007	Kelulusan daripada Lembaga telah diperolehi untuk meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan, 2007 bagi membolehkan KWAP bertindak terhadap majikan yang gagal untuk menjelaskan caruman. Proses pemindaan akan dibuat pada 2009.

# Pengurusan Risiko

Persekitaran perniagaan yang sering berubah memberikan pelbagai risiko kepada KWAP dan kami mengambil langkah-langkah pro-aktif untuk menguruskan risiko ini. Pengurusan pelaburan dikaitkan dengan risiko kewangan dan operasi. Risiko yang paling ketara termasuklah risiko pasaran, risiko kredit dan risiko operasi. Kami percaya salah satu faktor kejayaan dalam pengurusan pelaburan adalah keupayaan mengenal pasti, menganalisis dan menguruskan risiko tepat pada waktunya.

## Rangka Kerja Pengurusan Risiko Keseluruhan

Dalam organisasi, secara dasarnya, Lembaga adalah bertanggungjawab atas pengurusan risiko secara keseluruhannya. Lembaga, melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko (“RMC”) mengekalkan tanggungjawab keseluruhan atas pengawasan risiko dalam KWAP.

Tanggungjawab RMC termasuklah mengkaji semula dan memastikan kecukupan polisi dan prosedur pengurusan risiko, menyemak dedahan risiko, dan memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem dilaksanakan bagi aktiviti pengurusan risiko.

Lembaga juga disokong oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan dan ketahanan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman serta pematuhan kepada polisi risiko dan keperluan pihak berkuasa.

Fungsi kawalan dan pengurusan risiko yang berdedikasi dan bebas iaitu Bahagian Pengurusan Risiko dan fungsi Audit Dalaman bertanggungjawab dalam memastikan rangka kerja dan polisi pengurusan risiko yang diluluskan dilaksanakan dan dipatuhi. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memudahkan proses pengurusan risiko dengan unit operasi yang merangkumi pengenalpastian risiko, penilaian, mengurangkan dan mengawal selia.

Di barisan hadapan, unit operasi bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko dalam operasi mereka. Unit operasi juga bertanggungjawab untuk memastikan semua aktiviti harian mematuhi polisi, garis panduan dan prosedur yang telah diluluskan. Salah satu aktiviti utama yang dijalankan pada 2008 oleh unit operasi masing-masing adalah menyemak kawalan dalaman masing-masing untuk memastikan sama ada ia masih relevan dan sesuai. Sebarang perubahan kepada kawalan dalaman diadaptasikan di dalam Prosedur Operasi Standard (“SOP”) masing-masing.



## Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi adalah risiko kerugian akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau peristiwa luar. Tanggungjawab asas bagi menguruskan risiko operasi terletak pada setiap unit operasi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah pengurusan risiko disokong dan dibimbing oleh Bahagian Pengurusan Risiko.

Pada 2008, kami melaksanakan Profil Risiko Korporat (“CRP”) di mana risiko yang berkaitan dengan organisasi dikenal pasti dan dianalisis untuk menentukan dedahan risiko dan memudahkan operasi kawalan untuk mengurangkan risiko itu. CRP adalah dokumen dinamik yang diselenggara oleh Bahagian Pengurusan Risiko dengan input daripada unit-unit operasi. CRP di bentangkan kepada RMC secara berkala untuk dibincangkan dan disyorkan bagi memperbaiki amalan pengurusan risiko keseluruhan.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (“BCM”) merupakan bahagian penting pengurusan risiko operasi yang memerlukan KWAP untuk mempunyai keupayaan dan kecekapan dalaman untuk mengurangkan risiko gangguan operasi yang teruk. Pada 2008, beberapa inisiatif BCM telah dilaksanakan di seluruh organisasi dengan membangunkan Pelan Kesinambungan Perniagaan (“BCP”) dan Pelan Pemulihan Bencana (“DRP”).

Dalam melangkah ke hadapan, beberapa inisiatif lain akan dilaksanakan bagi pengurusan risiko operasi yang merangkumi pembangunan Petunjuk Risiko Utama (“KRI”), pelaksanaan Pengurusan Data Kerugian (“LDM”) dan Penilaian Kendiri Kawalan Risiko (“RCSA”).

### Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian akibat pergerakan tahap harga pasaran aset kewangan dan kadar yang boleh menjelaskan. Objektif utama dalam pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus kesan negatif pergerakan pasaran terhadap pelaburan KWAP. Pelaksanaan dan penguatkuasaan tahap risiko atas aktiviti pelaburan disasarkan kepada pengurusan dedahan risiko, maka meminimumkan potensi kerugian.

Pada 2008, kami memulakan beberapa usaha untuk membina keupayaan bagi melaksanakan “Value-At-Risk” (“VAR”) dan “Stress Testing”. Bergantung kepada kejayaan pelaksanaan VAR dan Ujian Stres, usaha akan dibuat untuk menjalankan bajet risiko untuk terus mempertingkatkan pengurusan risiko pasaran.

### Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit ialah potensi kerugian kewangan disebabkan peminjam atau pihak lain tidak membuat pembayaran. Objektif asas pengurusan risiko kredit adalah memastikan yang dedahan risiko kredit dikawal dalam lingkungan yang telah dihadkan oleh KWAP dan keupayaan kewangan untuk bertahan dengan potensi kerugian. Aktiviti pelaburan KWAP dipandu oleh Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang menetapkan polisi kredit dan had pihak lain.

Untuk terus mengukuhkan pengurusan risiko kredit, Polisi Kredit dan Pihak Lain yang khusus akan diadakan. Selain itu, keupayaan menganalisis kredit akan dibangunkan secara berperingkat dan diperbaiki melalui pengambilan juruanalisa kredit berkelayakan dan pelaksanaan sistem maklumat pengurusan yang dipertingkatkan.

### Kesedaran Risiko dan Latihan

Pembelajaran yang berterusan adalah penting kerana persekitaran operasi KWAP sering berubah. KWAP sedar akan kepentingan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk menguruskan pelbagai risiko yang terdedah kepada KWAP. Dalam menyemai kesedaran risiko dalam organisasi, beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang 2008.

Dua bengkel pengurusan risiko bagi semua peringkat pengurusan telah diadakan untuk mendedahkan kepada mereka pelbagai topik pengurusan risiko. Satu daripada topik utama yang diperbincangkan adalah pelaksanaan metrik risiko untuk memudahkan pengurusan risiko pasaran.

Selain itu, artikel berkaitan risiko atau maklumat diedarkan dari masa ke semasa kepada kakitangan melalui penerbitan buletin KWAP.



 Sedia ada  Dalam pelaksanaan  Rancangan akan datang



**Kami bertekad untuk mencapai Visi dan Misi  
KWAP dengan berada di haluan yang betul  
dalam menuju kecemerlangan.**



# Tanggungjawab Sosial Korporat

Sebagai sebuah organisasi yang progresif dan prihatin, KWAP komited dalam mencari pendekatan bagi meningkatkan kualiti kehidupan kakitangannya serta masyarakat secara umum. Sebagai sebuah warga korporat yang bertanggungjawab, KWAP telah melaksanakan beberapa inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (“TSK”) pada 2008 seperti berikut:

## Aktiviti bagi Menjana serta Mempertingkatkan Dana TSK

Falsafah TSK KWAP menekankan penglibatan kakitangannya. Untuk menggalakkan penglibatan kakitangan kami dalam aktiviti kebaikan, beberapa inisiatif mini telah dianjurkan oleh para kakitangan seperti jualan barang terpakai dan pungutan derma untuk mengumpul dana bagi tujuan yang bermanfaat. Wang hasil dari aktiviti yang dijalankan telah digunakan untuk membeli peralatan dan pakaian sukan sebagai pemberian kepada Sekolah Kebangsaan Bukit Tampoi (A), Dengkil, Selangor. Tiga pelajar terbaik UPSR 2008 sekolah tersebut juga diberikan wang sagu hati tanda penghargaan atas pencapaian akademik mereka.

## Memelihara Alam Sekitar

Salah satu aspek penting dalam inisiatif TSK kami ialah membentuk budaya kerja yang peka terhadap alam sekitar. Setiap individu di KWAP ditanamkan dengan sifat menghargai serta bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Oleh itu, langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan penggunaan dan pengitaran semula produk berasaskan kertas. Penggunaan tenaga elektrik dikurangkan dengan memadamkan lampu dan peralatan elektrik diwaktu tengah hari dan selepas waktu pejabat. Bagi mengingatkan kakitangan tentang kepentingan mengitar semula dan mengelakkan pembaziran, slogan “Save Cost : Recycle, Avoid Wastage” – diperkenalkan dalam semua komunikasi elektronik KWAP.

Bagi tahun 2009, kami ingin meneruskan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan pada 2008 dengan memperkenalkan lebih banyak inisiatif TSK. Selain itu, kami berhasrat untuk menggunakan kepakaran kami dalam bidang pelaburan dan kewangan untuk meningkatkan kesedaran komuniti dalam perancangan kewangan.

## Hari Penyerahan Sumbangan S.K. Bukit Tampoi(A), Dengkil, Selangor



## Januari-Mac 2008



**2 JANUARI 2008**  
**Mandat bagi Tahun 2008**  
Ketua Pegawai Eksekutif mengumumkan prestasi kewangan 2007 dan menekankan kepentingan dan keperluan untuk terus berusaha bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2008.



**25 JANUARI 2008**  
Deklamasi “Dana Yang Berkat” Pertandingan mendeklamasi sajak KWAP - Dana Yang Berkat diadakan menyaksikan tiga peserta terbaik bertarung ke peringkat akhir.



**26 JANUARI 2008**  
Bengkel Merangka Visi, Misi dan Nilai Korporat KWAP Lembaga, Panel Pelaburan dan Pengurusan Kanan KWAP menghadiri bengkel untuk merangka visi, misi dan nilai korporat KWAP.



**MAC – DISEMBER 2008**  
**Ceramah Umum “Golden Hours”**  
Aktiviti yang dijalankan sebulan sekali ini bertujuan membina keyakinan diri serta mempertingkatkan kemahiran pengucapan awam di kalangan kakitangan KWAP.



**MAC – DISEMBER 2008**  
**Aktiviti Riadah “Fitness After Five”**  
Aktiviti yang dijalankan seminggu sekali sepanjang tahun ini bertujuan menggalakkan kakitangan KWAP mengamalkan gaya hidup sihat.



**14 MAC 2008**  
**Siri Kepimpinan I**  
Y. Bhg. Dato' V. Danapalan, Ahli Lembaga KWAP, telah menyampaikan ucapan bertajuk “Managing For Success”.



# April-Jun



## 8 APRIL 2008 Sesi Pembentangan Visi, Misi & Nilai Korporat



Sesi dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Muhammad Bin Ibrahim, Ahli Lembaga KWAP. Fasilitatornya, Mr. Arun Rengasamy telah memberi taklimat kepada kakitangan KWAP mengenai kupasan visi, misi dan nilai korporat.



## 24 APRIL 2008 Majlis Ulang Tahun Pertama KWAP

Majlis diserikan dengan kehadiran Y. Bng. Tan Sri Nor Bin Mohamed Yakcop, Menteri Kewangan II untuk meraikan ulang tahun pertama KWAP serta menyampaikan penghargaan kepada Y. Bhg. Datuk Amirsham Bin Abdul Aziz yang meletakkan jawatan sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP.



## APRIL – JULAI 2008 Karnival Sukan

Karnival Sukan telah berlangsung di mana kakitangan dibahagikan kepada 3 kumpulan untuk bersaing antara satu sama lain dalam pertandingan sukan seperti karom, "scrabble", badminton, futsal, baling damak, congkak, boling, pingpong, catur, bola jaring dan bola tamar.



## 28 OGOS 2008

Perjumpaan Kakitangan I Ketua Pegawai Eksekutif melancarkan program transformasi KWAP yang bertujuan untuk mempertingkatkan model perniagaan sedia ada dan keupayaannya.



## 12 SEPTEMBER 2008

Iftar dengan Lembaga dan Panel Pelaburan Kakitangan KWAP berbesar hati kerana berpeluang berbuka puasa dan mendirikan solat sunat Tarawih bersama Ahli-Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan.



## 9 OKTOBER 2008

Lawatan dari CSPF, Oman Civil Service Pension Fund, Oman mengadakan lawatan ke KWAP dengan tujuan bertukar-tukar pandangan mengenai pengurusan dana pencer.



## 24 NOVEMBER 2008

Siri Kepimpinan III Y. Bhg. Tan Sri Azman Bin Mokhtar, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad telah menyampaikan ucapan bertajuk "Leadership Development : The Khazanah Experience".



## 4 DISEMBER 2008

Lawatan dari TASPEN, Indonesia Delegasi dari TASPEN (Persero, sebuah dana pencer Indonesia) dan Kementerian Reformasi Pentadbiran, Republik Indonesia mengadakan lawatan ke KWAP untuk bertukar-tukar pandangan.



## 12 DISEMBER 2008

Pertukaran Hadiah Sesi pertukaran hadiah telah diadakan untuk merapatkan perhubungan antara kakitangan KWAP.

## Julai-September



**2 JUN 2008**  
**Siri Kepimpinan II**  
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Mohd Hassan Bin Marican, Presiden dan KPE Petroliam Nasional Berhad telah menyampaikan ucapan bertajuk "The Petronas Experience".



**21 JULAI 2008**  
**Ceramah Khas**  
Mr. George Stalk, Rakan Kongsi Kanan dan Pengarah Urusan, The Boston Consulting Group telah menyampaikan ucapan tentang buku terkini beliau yang bertajuk "Five Future Strategies You Need Right Now".



**19 OGOS 2008**  
**KWAP di Bursa – The Edge Rat Race 2008**  
Sebagai sebahagian daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK), KWAP telah menyertai acara larian The EDGE-Bursa Malaysia KL Rat Race 2008 dalam Kategori Terbuka.

## Oktober-Disember



**21 OKTOBER 2008**  
**Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri**  
Kakitangan KWAP berbesar hati meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Menteri Kewangan II, Ahli-Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan serta tetamu korporat.



**26 OKTOBER 2008**  
**Perjumpaan Kakitangan II**  
Ketua Pegawai Eksekutif telah mengumumkan carta organisasi baru yang lebih berkesan bersesuaian dengan program transformasi.



**19 NOVEMBER 2008**  
**Program Pembangunan**  
Satu program latihan untuk semua kakitangan bukan eksekutif KWAP telah diadakan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dalam menguruskan tugas.



**28 DISEMBER 2008**  
**Perjumpaan Kakitangan III**  
Perjumpaan diadakan untuk memberikan maklumat terkini kepada kakitangan KWAP mengenai pencapaian KWAP sejak bermulanya



program transformasi, melancarkan blog KWAP, PIX dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Sukan Terbuka SPARC.



## **P e n y a t a   K e w a n g a n**

- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan
- 57** Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)  
bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
- 58** Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah  
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengakuan oleh Pengawai Utama yang  
**59** Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2007  
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 60** Lembaran Imbangan
- 61** Penyata Pendapatan
- 62** Penyata Perubahan Rizab
- 63** Penyata Aliran Tunai
- 65** Nota Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadanankan) bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2008, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin".

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
1 APRIL 2009



# Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Kami, **Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah** dan **Tan Sri Ismail Bin Adam** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tempoh dua belas bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah**  
Gelaran : Pengerusi Lembaga  
Tarikh : 27 Mac 2009  
Tempat : Putrajaya

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Tan Sri Ismail Bin Adam**  
Gelaran : Ahli Lembaga  
Tarikh : 27 Mac 2009  
Tempat : Putrajaya

# ► Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan 2008 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Saya, **Azian Binti Mohd Noh**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Kuala Lumpur, Wilayah )  
Persekutuan pada 27 Mac 2009 )

.....  
Di hadapan saya,



.....  
PESURUHJAYA SUMPAH

LJ: S/AFM. TENGKU  
WATYNA CANTABRI  
SALAK ANGKANG  
KEDAH STALIA I LEMPLIR



# Lembaran Imbangan

## Pada 31 Disember 2008

	Nota	2008 (RM)	2007 (RM) (Dinyatakan semula)
<b>Aset</b>			
Hartanah dan Peralatan Pelaburan	3 4	7,197,580 37,037,890,534	8,177,085 33,963,069,900
		<b>37,045,088,114</b>	<b>33,971,246,985</b>
<b>Aset Semasa</b>			
Penghutang Perniagaan	5	<b>559,488,379</b>	813,887,302
Penghutang Pelbagai	6	<b>265,939,756</b>	352,608,260
Deposit dan Prabayar	7	<b>14,421,037</b>	1,102,960
Pelaburan Jangka Pendek	8	<b>5,249,024,800</b>	5,576,004,282
Simpanan Tetap	9	<b>8,895,533,000</b>	6,906,000,000
Wang Tunai dan Baki Bank	10	<b>21,271,408</b>	516,116,939
		<b>15,005,678,380</b>	<b>14,165,719,743</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pemiutang Perniagaan	11	<b>2,439,636</b>	2,572,477
Pemiutang Pelbagai	12	<b>273,675</b>	1,682,210
Perbelanjaan Terakru	13	<b>3,953,737</b>	54,461,448
Pemiutang Kewangan	14	<b>320,311</b>	26,693
		<b>6,987,359</b>	<b>58,742,828</b>
<b>Aset Semasa Bersih</b>		<b>14,998,691,021</b>	<b>14,106,976,915</b>
		<b>52,043,779,135</b>	<b>48,078,223,900</b>
<b>Dibiayai Oleh:</b>			
Caruman Kerajaan Persekutuan	15	<b>16,001,944,312</b>	14,356,944,312
Caruman Pencen	16	<b>24,083,051,679</b>	22,322,188,237
Rizab		<b>11,951,997,073</b>	11,390,140,180
		<b>52,036,993,064</b>	<b>48,069,272,729</b>
<b>Liabiliti Jangka Panjang</b>			
Pemiutang Kewangan	14	<b>133,463</b>	774,086
Pendapatan Tertunda	17	<b>6,652,608</b>	8,177,085
		<b>52,043,779,135</b>	<b>48,078,223,900</b>

Nota di mukasurat 65 hingga 79 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



# Penyata Pendapatan

## Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008

	Nota	2008 (RM)	01/03/2007 - 31/12/2007 (RM) (Dinyatakan semula)
Pendapatan	19	<b>3,010,811,337</b>	3,719,113,637
		<b>3,010,811,337</b>	3,719,113,637
Emolumen	20	<b>10,224,826</b>	6,824,505
Perkhidmatan dan Bekalan		<b>16,418,226</b>	10,927,656
Susutnilai Atas Hartanah dan Peralatan		<b>1,524,477</b>	575,651
Pelunasan Pelaburan		<b>34,207,932</b>	28,869,764
Elaun Rosot Nilai Pelaburan		<b>2,386,578,983</b>	866,604
Jumlah Perbelanjaan		<b>2,448,954,444</b>	48,064,180
Lebihan Bersih bagi Tahun		<b>561,856,893</b>	3,671,049,457

Nota di mukasurat 65 hingga 79 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



# Penyata Perubahan Rizab

## Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008

Nota	Lebihan Terkumpul 2008 (RM)	Lebihan Terkumpul 01/03/2007 - 31/12/2007 (RM) (Dinyatakan semula)
Baki Dibawa ke hadapan Pelarasan Tahun Sebelum 21	<b>11,438,690,101</b> <b>(48,549,921)</b>	7,719,090,723 –
Baki Dibawa ke hadapan Dinyatakan Semula Lebihan Bersih bagi Tahun	<b>11,390,140,180</b> <b>561,856,893</b>	7,719,090,723 3,671,049,457
Lebihan Terkumpul Dihantar Ke Hadapan	<b>11,951,997,073</b>	11,390,140,180

Nota di mukasurat 65 hingga 79 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



# Penyata Aliran Tunai

## Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008

	Nota	2008 (RM)	2007 (RM)
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi</b>			
Terimaan Geran Pelancaran		10,000,000	12,000,000
Terimaan Tunai dari Pelanggan dan Pekerja		784,681	2,406,538
Bayaran Tunai kepada Pembekal dan Pekerja		(21,750,201)	(11,925,311)
<b>Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi</b>		<b>(10,965,520)</b>	<b>2,481,227</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan</b>			
<b>Pendapatan Diterima:</b>			
Jualan Saham		14,409,773,685	1,350,673,071
Dividen Pasaran Saham		508,221,571	404,625,969
Tuntutan Cukai Atas Dividen		188,580,885	542,813
Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti		3,707,769,222	–
Bayaran Balik Pinjaman		6,758,178,294	–
Jualan Terbitan Pelaburan Kerajaan		74,926,187	–
Faedah Pinjaman		359,665,776	378,664,100
Jualan Bon		10,578,935,505	1,545,800
Faedah Bon		306,719,035	153,634,559
Dividen Bon		–	12,958,400
Pendapatan Pengurus Dana Bon		11,265,469	–
Faedah Simpanan Tetap		335,918,434	168,760,834
Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek		286,550,719	63,693,825
Faedah Sekututi Kerajaan Malaysia		392,707,157	203,040,721
Faedah Akaun Semasa Pasaran Wang		4,098,685	129,952,822
Faedah Akaun Semasa Bank		185,166	84,994
Pendapatan Dana IDB		471,916	4,294,835
Pendapatan Dana CMREF 1		–	999,875
Pendapatan Dana Lombard		–	5,002
Pendapatan Lain		–	2

**Penyata Aliran Tunai**  
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008

	Nota	2008 (RM)	2007 (RM)
<b>Pengeluaran</b>			
Saham Tersiar Harga		(15,547,655,224)	(508,986,491)
Saham Tidak Tersiar Harga		–	(401,536,030)
Pengurus Dana		(3,631,271,170)	(550,000,000)
Yuran Kustodian		(70,215)	–
Pinjaman		(6,728,698,568)	879,927,144
Sekuriti Kerajaan Malaysia		(1,477,433,558)	(2,349,099,000)
Bon		(12,738,841,364)	(1,320,698,966)
Pendahuluan Sekuriti Kerajaan Malaysia		(27,029,042)	(981,332)
Dana Persendirian		–	(22,938,734)
Pembelian Aset Tetap		(546,939)	(6,533,607)
<b>Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan</b>		<b>(2,227,578,374)</b>	<b>(1,407,369,394)</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan</b>			
Terimaan Caruman Kerajaan Persekutuan		1,645,000,000	1,180,000,000
Terimaan Caruman Pencen		1,776,160,568	1,278,140,644
Bayaran Balik Caruman Pencen		(14,908,687)	–
<b>Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan</b>		<b>3,406,251,881</b>	<b>2,458,140,644</b>
<b>Pertambahan Bersih Tunai</b>		<b>1,167,707,987</b>	<b>1,053,252,477</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun</b>		<b>12,998,121,221</b>	<b>11,944,868,744</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>	18	<b>14,165,829,208</b>	<b>12,998,121,221</b>

Nota di mukasurat 65 hingga 79 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2008

### 1. KEGIATAN UTAMA

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007, (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27 juta dari Kerajaan Persekutuan. KWAP bertanggungjawab mengurus dana yang diperolehi dari tiga sumber utama iaitu caruman Kerajaan Persekutuan, caruman Badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan, dan pendapatan pelaburan. Bagi menjana pendapatan, dana dilaburkan dalam urusniaga saham, pinjaman, bon, instrumen pasaran wang, harta tanah dan pelaburan-pelaburan lain yang diluluskan oleh Panel Pelaburan. Objektif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah mengurus dana bagi mencapai pulangan yang optimum ke atas pelaburan bagi membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai liabiliti penceran yang kian meningkat.

### 2. DASAR PERAKAUNAN

#### 2.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan KWAP telah disediakan mengikut:

- (i) Konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan pada polisi kewangan yang lain.
- (ii) Piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia bagi Entiti Persendirian.

#### 2.2 HARTANAH DAN PERALATAN SERTA SUSUTNILAI

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susutnilai yang telah diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan harta-harta tersebut.

Kadar susutnilai hartanah dan peralatan adalah seperti berikut:

(i) Ubahsuai bangunan	16.67%
(ii) Perabot	15%
(iii) Peralatan pejabat	15%
(iv) Komputer	20%
(v) Perisian komputer	20%
(vi) Kereta	20%

Nilai baki bersih dan usia penggunaan aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada tarikh Lembaran Imbangan. Pada setiap tarikh Lembaran Imbangan, KWAP perlu menilai sama ada terdapat petunjuk penjejasan. Jika terdapat petunjuk penjejasan, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh diperolehi semula dengan sepenuhnya. Rugi Terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai diperolehi seperti dinyatakan di Nota 2.3.

#### 2.3 PENJEJASAN ASET

Aset yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

## **2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.3 PENJEJASAN ASET (SAMBUNGAN)**

Rugi Terjejas diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Rugi Terjejas akan dicaj di Penyata Pendapatan. Bagi aset-aset lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktirafkan di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan rugi terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke Lebihan Penilaian Semula.

### **2.4 PELABURAN**

Elaun rosot nilai ke atas pelaburan dalam saham tersiar harga kecuali portfolio pengurus dana adalah seperti berikut:

#### **(i) Pendedahan Nilai Pelaburan Saham Tersiar Harga Di Penyata Kewangan**

Pelaburan Saham Tersiar Harga hendaklah didedahkan di penyata kewangan pada nilai kos atau nilai pasaran, mana yang terendah berdasarkan kaunter secara individu pada setiap akhir tahun kewangan iaitu pada 31 Disember setiap tahun. Nilai kos ditentu berdasarkan harga belian bersih saham. Manakala nilai pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada akhir tahun lembaranimbang iaitu pada 31 Disember setiap tahun.

#### **(ii) Penentuan Elaun Rosot Nilai**

Pengiraan elauan rosot nilai belum direalisasi dikira berdasarkan kaunter secara individu dan diperuntukkan elauan rosot nilai pelaburan sebanyak 100% setiap tahun ke atas jumlah kerugian belum direalisasi pada tarikh berakhir sesuatu tempoh kewangan.

Sekiranya harga pasaran pelaburan saham tersiar harga lebih rendah daripada kos pelaburan saham tersiar harga, kerugian belum direalisasi diukur sebagai perbezaan di antara kos dan harga penutup pasaran saham pada setiap akhir tahun iaitu pada 31 Disember setiap tahun. Nilai buku saham tersiar harga akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan rosot nilai. Kerugian belum direalisasi tersebut akan dicaj sebanyak 100% ke Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

Sekiranya dalam tahun berikutnya saham tersebut telah dijual atau harga pasaran saham lebih tinggi daripada kos, maka kerugian belum direalisasi tersebut akan dipelaraskan sebagai pendapatan. Amaun pelarasan semula sebagai pendapatan adalah terhad kepada baki elauan rosot nilai yang telah diperuntukkan.

#### **(iii) Perakaunan Jualan Pelaburan Saham Tersiar Harga**

Perbezaan di antara nilai bersih jualan (*net disposal proceeds*) dan nilai di penyata kewangan atas jualan adalah dicaj / dikreditkan ke dalam Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

## **2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.4 PELABURAN (SAMBUNGAN)**

#### **(iv) Sekuriti Hutang Persendirian**

Sekuriti Hutang Persendirian seperti Bon, Nota Jangka Sederhana dan Kertas Komersil dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun dari tarikh pembelian sehingga ke tarikh matang.

#### **(v) Sekuriti Kerajaan Malaysia**

Sekuriti Kerajaan Malaysia dinyatakan pada nilai buku yang didapati dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun dari tarikh pembelian sehingga ke tarikh matang.

#### **(vi) Hartanah**

Hartanah diambilkira sebagai pelaburan jangka panjang dan dinilai pada kos.

### **2.5 PERTUKARAN MATA WANG ASING**

#### **(i) Mata Wang Fungsian Dan Persembahan**

Penyata Kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia.

#### **(ii) Urus Niaga Dan Baki**

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran ketika tarikh urus niaga.

### **2.6 CARUMAN PENCEN**

Caruman pencen diambilkira apabila caruman tersebut diterima.

### **2.7 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN**

Pendapatan diambil kira berdasarkan prinsip akruan.

### **2.8 CUKAI**

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

### **2.9 SEWA KEWANGAN**

Aset yang diperolehi di bawah perjanjian sewa kewangan dipermodalkan pada kos belian dan disusutnilaikan pada asas yang sama seperti aset yang telah dimiliki. Jumlah amaun yang tertunggak di bawah perjanjian sewa kewangan telah dimasukkan di bawah pemutang sewa kewangan.

## **2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.10 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

Tunai setara adalah berjangka pendek dan mempunyai kecairan yang tinggi dengan tempoh kematangan dalam tempoh 1 tahun dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank, serta deposit di institusi kewangan yang berlesen yang tidak digunakan sebagai cagaran.

### **2.11 MANFAAT PEKERJA**

#### **Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana pekerja menyumbang perkhidmatan mereka. Cuti pampasan terkumpul untuk jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila pekerja telah menyumbangkan perkhidmatan mereka yang mana akan meningkatkan kelayakan mereka untuk mendapat cuti pampasan pada masa akan datang manakala cuti pampasan tidak terkumpul untuk jangkamasa pendek seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran pekerja berlaku.

#### **Pelan caruman wajib**

Sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, KWAP membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

### **2.12 OBJEKTIF DAN POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN**

KWAP terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan memaksimumkan pulangan kepada KWAP.

#### **Risiko Kewangan**

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan kewangan. Ahli Lembaga Pengarah sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

#### **Risiko Kredit**

KWAP memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan membuat pemantauan berterusan terhadap kedudukan kewangan dan prestasi kredit *counter parties*.

#### **Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai**

KWAP mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

### **2.13 GERAN KERAJAAN**

Geran Kerajaan berkaitan dengan pembelian harta diklasifikasikan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan akan dikreditkan ke penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan harta-harta tersebut.

### 3. HARTANAH DAN PERALATAN

	Pengubahaian Bangunan RM	Perabot RM	Peralatan Pejabat RM	Komputer RM	Perisian Komputer RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>							
Baki pada 1 Januari 2008	4,342,874	1,409,855	570,148	2,075,399	207,652	146,808	8,752,736
Penambahan	78,576	30,274	150,439	114,370	174,361	-	548,020
Pelarasan/Pelupusan	(1,080)	-	(2,249 )	-	-	-	(3,329 )
<b>Baki pada 31 Disember 2008</b>	<b>4,420,370</b>	<b>1,440,129</b>	<b>718,338</b>	<b>2,189,769</b>	<b>382,013</b>	<b>146,808</b>	<b>9,297,427</b>
<b>Susutnilai Terkumpul</b>							
Baki pada 1 Januari 2008	322,966	117,361	17,450	96,486	2,386	19,002	575,651
Caj bagi tahun semasa	731,086	212,605	92,839	415,776	42,810	29,361	1,525,477
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(281)	-	-	-	(281)
<b>Baki pada 31 Disember 2008</b>	<b>1,054,052</b>	<b>329,966</b>	<b>110,008</b>	<b>512,262</b>	<b>45,196</b>	<b>48,363</b>	<b>2,099,847</b>
<b>Nilai Buku Bersih</b>							
Baki pada 31 Disember 2008	3,366,318	1,110,163	608,330	1,677,507	336,817	98,445	7,197,580
<b>Kos</b>							
Baki pada 1 Mac 2007	-	-	-	-	-	-	-
Penambahan	4,342,874	1,409,855	570,148	2,075,399	207,652	146,808	8,752,736
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2007</b>	<b>4,342,874</b>	<b>1,409,855</b>	<b>570,148</b>	<b>2,075,399</b>	<b>207,652</b>	<b>146,808</b>	<b>8,752,736</b>
<b>Susutnilai Terkumpul</b>							
Baki pada 1 Mac 2007	-	-	-	-	-	-	-
Caj bagi tahun semasa	322,966	117,361	17,450	96,486	2,386	19,002	575,651
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2007</b>	<b>322,966</b>	<b>117,361</b>	<b>17,450</b>	<b>96,486</b>	<b>2,386</b>	<b>19,002</b>	<b>575,651</b>
<b>Nilai Buku Bersih</b>							
Baki pada 31 Disember 2007	4,019,908	1,292,494	552,698	1,978,913	205,266	127,806	8,177,085

Termasuk dalam nilai buku bersih komputer pada 31 Disember 2008 adalah amaun berjumlah RM656,722.07 (2007 : RM825,692) berkaitan sewa kewangan.

## 4. PELABURAN

Berikut adalah ringkasan pelaburan-pelaburan KWAP:

	2008 (RM)	2007 (RM)
<b>Kos</b>		
Pelaburan Saham	<b>11,019,519,696</b>	11,427,537,481
Sekuriti Kerajaan Malaysia	<b>10,056,101,482</b>	8,676,503,618
Penyertaan Dana Ekuiti Persendirian	<b>104,867,096</b>	60,225,004
Pinjaman	<b>7,413,568,637</b>	7,443,048,363
Bon Korporat	<b>8,443,833,623</b>	6,355,755,434
	<b>37,037,890,534</b>	33,963,069,900
<b>Nilai Pasaran</b>		
Pelaburan Saham	<b>10,613,398,931</b>	14,044,437,676
Sekuriti Kerajaan Malaysia	<b>10,677,527,212</b>	8,880,272,576
Bon Korporat	<b>8,503,146,576</b>	6,447,395,515
	<b>29,794,072,719</b>	29,372,105,767

### 4.1 PELABURAN SAHAM

Nilai buku bersih bagi pelaburan KWAP dalam saham adalah seperti berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Saham tersiar harga	<b>13,524,322,937</b>	11,545,761,739
Saham tidak tersiar harga	<b>418,205,830</b>	418,205,830
Peruntukan rosot nilai pelaburan saham	<b>13,942,528,767</b> <b>(2,923,009,071)</b>	11,963,967,569 (536,430,088)
Nilai Buku Bersih	<b>11,019,519,696</b>	11,427,537,481
 Nilai Pasaran:		
Saham tersiar harga	<b>10,613,398,931</b>	14,044,437,676
Saham tidak tersiar harga	—	—
	<b>10,613,398,931</b>	14,044,437,676

## 4. PELABURAN (SAMBUNGAN)

### 4.2 SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA

Pelaburan KWAP dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Sekuriti Kerajaan Malaysia	<b>10,096,769,54</b>	28,741,112,171
Pertambahan diskau dan pengurangan premium: Sekuriti Kerajaan Malaysia	<b>(40,668,060)</b>	(64,608,553)
Nilai Buku Bersih	<b>10,056,101,482</b>	8,676,503,618
Nilai Pasaran: Sekuriti Kerajaan Malaysia	<b>10,677,527,212</b>	8,880,272,576

### 4.3 PENYERTAAN DANA EKUITI PERSENDIRIAN

Pelaburan-pelaburan tersebut adalah seperti berikut:

	2008 Pelaburan (Kos) (RM)	2007 Pelaburan (Kos) (RM)
Komitmen (RM)	Komitmen (RM)	Pelaburan (Kos) (RM)
Dana IDB	<b>24,293,500</b>	24,500,000
Dana CMREF 1	<b>50,000,000</b>	50,000,000
Dana Actis ASEAN Fund LP	<b>34,705,000</b>	35,000,000
Dana Lombard Asia III	<b>104,115,000</b>	105,000,000
Jumlah	<b>213,113,500</b>	214,500,000
	<b>104,867,096</b>	60,225,004

### 4.4 PINJAMAN

KWAP memberi pinjaman kepada agensi-agensi Kerajaan dan sektor korporat. Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Pihak Berkuasa & Perbadanan Awam	<b>4,451,681,733</b>	5,381,161,459
Kerajaan Negeri	<b>261,886,904</b>	261,886,904
Pinjaman Korporat	<b>2,700,000,000</b>	1,800,000,000
Jumlah	<b>7,413,568,637</b>	7,443,048,363

## 4. PELABURAN (SAMBUNGAN)

### 4.5 BON KORPORAT

KWAP telah melanggani bon korporat seperti berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Bon Korporat	<b>8,337,822,255</b>	6,212,690,230
Pertambahan diskaun dan pengurangan premium:		
Bon Korporat	<b>106,011,368</b>	143,065,204
Nilai Buku Bersih	<b>8,443,833,623</b>	6,355,755,434
Nilai Pasaran:		
Bon Korporat	<b>8,503,146,576</b>	6,447,395,515

## 5. PENGHUTANG PERNIAGAAN

Akaun belum terima pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

Nota	2008 (RM)	2007 (RM) (Dinyatakan semula)
Faedah Simpanan Tetap	38,262,723	118,515,934
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	120,220,862	121,047,209
Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek	23,500,306	9,670,018
Faedah Pinjaman	98,497,563	90,504,884
Faedah Bon Korporat	71,702,763	58,066,254
Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti	137,103,183	313,114,572
Pendapatan Pengurus Dana Bon	24,815,261	15,841,465
Pendapatan Dari Jualan Saham	29,001,704	48,492,184
Pendapatan Dividen	9,129,964	31,380,732
Meridian Asset Management Sdn Bhd*	7,254,050	7,254,050
Jumlah	<b>559,488,379</b>	813,887,302

\* Bagi Meridian Asset Management Sdn Bhd, KWAP sedang mengambil tindakan mahkamah ke atas mereka.

## 6. PENGHUTANG PELBAGAI

	2008 (RM)	2007 (RM)
Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Pendapatan Geran Pelancaran Belum Terima Pelbagai	<b>265,906,708</b> — <b>33,048</b>	342,218,844 10,000,000 389,416
<b>Jumlah</b>	<b>265,939,756</b>	352,608,260

## 7. DEPOSIT, PRABAYAR DAN PENDAHULUAN

	2008 (RM)	2007 (RM)
Pendahuluan Faedah SKM	14,164,654	981,332
Pendahuluan Lain	20,607	5,260
Deposit Pelbagai	63,032	61,032
Prabayar Pelbagai	172,744	55,336
<b>Jumlah</b>	<b>14,421,037</b>	1,102,960

Deposit, Prabayar dan Pendahuluan akan matang dalam tempoh 12 bulan.

## 8. PELABURAN JANGKA PENDEK

KWAP telah membuat peletakan dalam deposit jangka pendek yang mempunyai tempoh kematangan tidak melebihi 12 bulan seperti berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Dinyatakan Pada Kos	<b>5,249,024,800</b>	5,576,004,282
Nilai Pasaran	<b>5,249,024,800</b>	5,576,004,282

## 9. SIMPANAN TETAP

Pelaburan dalam simpanan tetap di institusi-institusi kewangan yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia yang mempunyai tempoh kematangan tidak melebihi 12 bulan adalah seperti berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Dinyatakan Pada Kos	<b>8,895,533,000</b>	6,906,000,000
Nilai Pasaran	<b>8,895,533,000</b>	6,906,000,000

## 10. WANG TUNAI DAN BAKI BANK

	2008 (RM)	2007 (RM)
Baki Bank dan Wang Tunai Akaun Pasaran Wang - Bank Negara Malaysia	19,263,831 2,007,577	48,826,164 467,290,775
Jumlah	<b>21,271,408</b>	516,116,939

## 11. PEMIUTANG PERNIAGAAN

	2008 (RM)	2007 (RM)
Yuran Pengurus Dana Broker Saham	2,439,636 —	977,978 1,594,499
Jumlah	<b>2,439,636</b>	2,572,477

## 12. PEMIUTANG PELBAGAI

	2008 (RM)	2007 (RM)
Pembekal Kakitangan	261,572 —	1,653,363 5,871
Eluan Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan	—	22,000
Tuntutan Bayaran Balik Caruman Majikan	—	976
Lain-Lain	12,103	—
Jumlah	<b>273,675</b>	1,682,210

### 13. PERBELANJAAN TERAKRU

	Nota	2008 (RM)	2007 (RM) (Dinyatakan semula)
Peruntukan Bonus		3,643,057	2,314,686
Peruntukan Kelab Sukan dan Rekreasi KWAP		—	21,474
Peruntukan KWSP Caruman Majikan		—	405,070
Peruntukan Perkhidmatan		60,396	103,500
Peruntukan Bayaran Balik JANM		—	163,962
Peruntukan Yuran Pengurus Dana		250,284	3,607,766
Peruntukan Rugi Atas Jualan Bon	21	—	47,844,990
<b>Jumlah</b>		<b>3,953,737</b>	<b>54,461,448</b>

### 14. PEMIUTANG KEWANGAN

	2008 (RM)	2007 (RM)
Pemutang Jangka Pendek	320,311	26,693
Pemutang Jangka Panjang	133,463	774,086
<b>Jumlah</b>	<b>453,774</b>	<b>800,779</b>

### 15. CARUMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan tahunan kepada KWAP mengikut Seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Jumlah peruntukan yang diterima adalah seperti berikut:

	2008 (RM)	2007 (RM)
Baki Awal Tahun	14,356,944,312	13,176,944,312
Tambah:		
Peruntukan Tahun Semasa	1,645,000,000	1,180,000,000
<b>Baki Akhir Tahun</b>	<b>16,001,944,312</b>	<b>14,356,944,312</b>

## 16. CARUMAN PENCEN

- 16.1 KWAP menerima caruman pencen bulanan bagi kakitangan tetap bertaraf pencen daripada majikan seperti Pihak Berkuasa Berkanun, Kuasa Tempatan dan agensi di mana pegawai dipinjamkan. Caruman dibuat berdasarkan kadar 17.5% dari gaji hakiki bulanan kakitangan.

	Caruman Terkumpul 01/01/2008 (RM)	Terimaan 2008 (RM)	Baki 31/12/2008 (RM)	Caruman Terkumpul 01/03/2007 (RM)	Terimaan 2007 (RM)	Baki 31/12/2007 (RM)
Badan Berkanun	3,800,368,733	403,335,430	4,203,704,163	3,489,207,048	311,161,685	3,800,368,733
Kuasa Tempatan	1,000,165,310	106,694,293	1,106,859,603	923,945,905	76,219,405	1,000,165,310
Pegawai Pinjaman	51,348,630	5,438,729	56,787,359	48,241,339	3,107,291	51,348,630
	<b>4,851,882,673</b>	<b>515,468,452</b>	<b>5,367,351,125</b>	<b>4,461,394,292</b>	<b>390,488,381</b>	<b>4,851,882,673</b>
Tolak:						
Tuntutan Bayaran Balik	(1,998,185)	(72,438)	(2,070,623)	(1,906,945)	(91,240)	(1,998,185)
Jumlah	<b>4,849,884,488</b>	<b>515,396,014</b>	<b>5,365,280,502</b>	<b>4,459,487,347</b>	<b>390,397,141</b>	<b>4,849,884,488</b>

- 16.2 Berikut adalah caruman bahagian Kerajaan, ganjaran dan potongan lain yang diserahkan kepada KWAP apabila pegawai-pegawai awam bersara atau membuat pengeluaran di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Skim Pengeluaran Pesara.

	Caruman Terkumpul 01/01/2008 (RM)	Terimaan 2008 (RM)	Baki 31/12/2008 (RM)	Caruman Terkumpul 01/03/2007 (RM)	Terimaan 2007 (RM)	Baki 31/12/2007 (RM)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	13,667,370,085	939,003,209	14,606,373,294	12,971,409,103	695,960,982	13,667,370,085
Kumpulan Wang Simpanan Guru	144,767,318	900,757	145,668,075	142,402,294	2,365,024	144,767,318
Kumpulan Wang Simpanan Guru - Sabah	12,479,365	756,282	13,235,647	12,479,365	-	12,479,365
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	2,986,618,550	272,862,546	3,259,481,096	2,840,092,343	146,526,207	2,986,618,550
Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak	45,309,082	-	45,309,082	45,309,082	-	45,309,082
Jabatan Perkhidmatan Awam - Ganjaran	631,639,560	45,572,615	677,212,175	591,940,487	39,699,073	631,639,560
Lain-Lain	26,471,314	1,207,291	27,678,605	12,849,492	13,621,822	26,471,314
	<b>17,514,655,274</b>	<b>1,260,302,700</b>	<b>18,774,957,974</b>	<b>16,616,482,166</b>	<b>898,173,108</b>	<b>17,514,655,274</b>
Tolak:						
Tuntutan Bayaran Balik	(42,351,525)	(14,835,272)	(57,186,797)	(32,886,632)	(9,464,893)	(42,351,525)
Jumlah	<b>17,472,303,749</b>	<b>1,245,467,427</b>	<b>18,717,771,177</b>	<b>16,583,595,534</b>	<b>888,708,215</b>	<b>17,472,303,749</b>

## 17. PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan tertunda adalah berkaitan dengan geran diterima dari Kerajaan bagi tujuan pembelian asset tetap.

	2008 (RM)	2007 (RM)
Pendapatan Tertunda	<b>8,177,085</b>	8,752,736
Tolak : Pelunasan Pendapatan Tertunda	(1,524,477)	(575,651)
 Pendapatan Tertunda Selepas Pelunasan	 <b>6,652,608</b>	 8,177,085

Geran Pelancaran yang diluluskan oleh Perbendaharaan adalah RM27,000,000. Pecahan penggunaan geran adalah seperti berikut:-

	2008 (RM)	2007 (RM)
Geran Berkaitan dengan Pembelian Aset Tetap	—	8,752,736
Geran Berkaitan dengan Perbelanjaan Operasi	—	18,247,264
 Jumlah Geran Pelancaran	 —	 27,000,000

## 18. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai yang dimasukkan dalam Penyata Aliran Tunai adalah terdiri daripada butiran dan amaun yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan seperti berikut:

	Nota	2008 (RM)	2007 (RM)
Pelaburan Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan	8	<b>5,249,024,800</b>	5,576,004,282
Simpanan Tetap dengan Institusi Kewangan	9	<b>8,895,533,000</b>	6,906,000,000
 Wang Tunai dan Baki Bank	10	 <b>21,271,408</b>	 516,116,939
 <b>JUMLAH</b>		 <b>14,165,829,208</b>	 12,998,121,221

## 19. PENDAPATAN

Pendapatan meliputi hasil daripada aktiviti operasi dan aktiviti pelaburan serta pertambahan akaun peruntukan ke atas pelaburan dan kutipan denda yang dikenakan ke atas peminjam dan majikan yang lewat membuat bayaran atau caruman. Pendapatan yang diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	Nota	2008 (RM)	01/03/2007 – 31/12/2007 (RM) (Dinyatakan semula)
Faedah Deposit	21	556,046,230	271,494,195
Faedah dari Baki Bank		4,283,851	130,037,816
Faedah Pinjaman		367,658,593	369,484,301
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia		362,577,640	274,993,532
Pembalikan Lebihan Elaun Rosot Nilai		–	233,143,674
Pertambahan Diskaun Pelaburan		25,355,852	22,006,454
Faedah dan Dividen Bon		320,355,544	189,506,081
Keuntungan Jualan Bon	21	15,457,451	(47,693,634)
Keuntungan Jualan Saham		594,902,113	1,381,854,621
Dividen Saham		485,970,803	436,006,700
Pendapatan Pengurus Dana		163,153,437	297,747,608
Tuntutan Cukai Atas Dividen		112,268,749	134,003,122
Pendapatan/Keuntungan Modal Dana			
Persendirian		471,916	5,299,712
Pelunasan Pendapatan Tertunda		1,524,477	575,651
Geran Pelancaran		–	18,247,264
Pendapatan Pelbagai		784,681	2,406,540
Jumlah		<b>3,010,811,337</b>	<b>3,719,113,637</b>

## 20. EMOLUMEN

Emolumen bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	2008 (RM)	01/03/2007 – 31/12/2007 (RM) (Restated)
Gaji dan Elaun	8,874,569	5,867,465
Caruman KWSP	1,324,694	946,126
Caruman PERKESO	25,563	10,914
Jumlah	<b>10,224,826</b>	<b>6,824,505</b>

Jumlah pekerja KWAP pada 2008 adalah seramai 99 orang (2007 : 93 orang).

## 21. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Dalam tahun kewangan semasa, KWAP telah membuat mematuhi kehendak piawaian perakaunan berikut:

a) IAS 25

Menurut IAS 25 perenggan 47, nilai bawaan pelaburan jangka panjang perlu dikurangkan untuk mengiktiraf rosot nilai kekal pelaburan. Walaupun pelaburan dalam bon Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sdn Bhd (SILK) telah mengalami penurunan nilai kekal dalam tahun 2007, namun ianya telah tidak dirosot nilaikan dalam tahun berkenaan kerana terlepas pandang. Oleh sebab itu, keuntungan tahun kewangan 2007 telah terlebih nyata.

b) MASB 3

Menurut MASB 3 perenggan 33, kesilapan fundamental boleh disebabkan oleh kesilapan pengiraan, kesilapan dalam menggunakan polisi perakaunan, salah tafsir fakta, fraud atau terlepas pandang. Perenggan 34 pula menyatakan pelarasan yang disebabkan oleh kesilapan fundamental yang melibatkan tahun sebelum memerlukan sama ada maklumat perbandingan dinyatakan semula atau persembahan maklumat tambahan pro forma. Untuk tujuan ini KWAP telah memilih untuk menyatakan maklumat perbandingan seperti yang dicadangkan piawaian perakauanan ini di bawah layanan penanda aras.

Kesan daripada pelarasan tahun sebelum, lebihan bersih bagi tahun kewangan 2008 meningkat sebanyak RM48,549,921. Kesan pelarasan tahun sebelum adalah seperti berikut:

	Nota	Seperti Dilaporkan Sebelumnya (RM)	Kesilapan Fundamental (RM)	Seperti Dinyatakan Semula (RM)
<b>Penyata Pendapatan</b>				
Pendapatan	19	3,767,663,558	(48,549,921)	3,719,113,637
Lebihan Bersih		3,719,599,378	(48,549,921)	3,671,049,457
<b>Lembaran Imbangan</b>				
Penghutang Perniagaan	5	814,592,233	(704,931)	813,887,302
Perbelanjaan Terakru	13	6,616,458	47,844,990	54,461,448
Rizab		11,438,690,101	(48,549,921)	11,390,140,180